

PM temui tokoh PAKATAN, setuju agenda reformasi

21

Walau pandemik, Selangor kekal destinasi pilihan pelabur

3

Tuan ku puji inisiatif negeri bantu rakyat

2

Program vaksin bergerak mulai September

4

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 26 OGOS - 1 SEPTEMBER 2021

www.selangorkini.my

# Kadar suntikan vaksin tertinggi

2  
MUKA



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengiringi Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj (tengah) yang mencemar duli untuk menyempurnakan perasmian Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Selangor Yang Ke-14 di Bangunan Dewan Negeri Selangor, Shah Alam pada 23 Ogos 2021. Foto RADIN WAZIR

## Teks titah Sultan: Atasi wabak, pacu ekonomi

**BAGINDA** bersyukur negeri kekal destinasi pelabur, sukacita beberapa pakej bantuan atasi kesan pandemik

> MUKA 6 & 8



## Tahukah anda, Jata Negara pernah berubah enam kali?

**PERUBAHAN** itu meliputi warna, logo, imej harimau berikutan beberapa peristiwa penting

> MUKA 14



## Jasa tokoh, peristiwa di balik nama jalan KL

**SEJARAH** asal Selangor di Kuala Lumpur sejak tahun 1880 menyimpan pelbagai peristiwa termasuk perang

> MUKA 12 & 13





## Pindaan enakmen pulih sistem air

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor gembira dengan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam menangani isu pencemaran air pada tahun lalu.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah pembaharuan enakmen selain peruntukan besar bagi memulihkan sistem rawatan air membantu menyelesaikan cabaran tersebut.

Baginda turut memuji sikap inklusif rakyat yang mewujudkan program Sahabat Sungai atau Friends of River bagi mengelak masalah pencemaran.

"Kerajaan beta melalui Air Selangor terus komited untuk memberi tumpuan memperingkatkan daya tahan perkhidmatan bekalan air bersih di samping turut menjamin bekalan air berterusan kepada pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya," titah Baginda pada 23 Ogos.

Pada 8 Disember 2020, Sultan Selangor memperkenalkan pindaan Enakmen LUAS untuk mengenakan hukuman lebih berat termasuk penjara mandatori dan denda maksimum RM1 juta kepada pencemar air.

## Perkeso jamin kebajikan guru Kafa

**SHAH ALAM** - Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) kepada guru Kelas al-Quran dan fardu ain (Kafa) mampu menjamin kebajikan warga pendidik di negeri ini.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah inisiatif yang diperkenal Kerajaan Negeri dengan perbelanjaan RM1.1 juta memanfaatkan 4,200 guru Kafa.

"Beta amat berkenan dengan langkah Kerajaan Negeri memperkenalkan caruman Perkeso kepada 4,200 guru Kafa. Langkah ini bagi memastikan kebajikan warga pendidik terus dijamin dan dipelihara," titah Baginda pada 23 Ogos.

Sultan Sharafuddin turut berkenan pembinaan beberapa sekolah baharu yang beroperasi tahun ini dengan peruntukan keseluruhan RM22 juta.

## Kekal hutan simpan keputusan tepat

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bertitah pengekalan keluasan hutan simpan kekal tidak kurang 30 peratus daripada tanah negeri ini langkah tepat dalam menjayakan agenda hijau.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah sebanyak 31.47 peratus keluasan negeri melibatkan 250,000 hektar kawasan diwartakan sebagai hutan simpan kekal.

"Kerajaan Negeri Selangor turut menyasarkan 32 peratus kawasan diwartakan sebagai hutan kekal simpan pada 2025," titah Baginda pada 23 Ogos.

Sultan Sharafuddin bertitah Selangor satu-satunya negeri yang menguat kuasa penyiasatan awam sebagai syarat penyahwartaan hutan simpan kekal.

## Sultan puji inisiatif pakej bantuan

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menzahirkan sukacita atas usaha Kerajaan Negeri yang melaksanakan pelbagai pakej bantuan kepada rakyat.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah bantuan itu meringankan beban penduduk ketika berdepan kemelut dan kesusahan akibat penularan Covid-19.

"Beta berharap bantuan-bantuan seumpama ini sampai ke golongan sasaran dan golongan terkesan tepat pada masanya untuk meringankan beban segolongan rakyat beta bagi meneruskan kelangsungan hidup," titah Baginda pada 23 Ogos.

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan pertama tahun lalu, Kerajaan Negeri mengambil berat golongan berpendapa-

tan rendah dan peniaga kecil yang terjejas akibat kelembapan ekonomi.

Sepanjang tahun lalu, negeri ini menyediakan dua fasa pakej bantuan Selangor Prihatin dan program pemulihan ekonomi, malah Belanjawan 2021 mengambil kira faktor ekonomi tidak menentu akibat wabak tersebut.

Pakej disediakan seperti berikut:

- Selangor Prihatin fasa 1 (20 Mac 2020) – RM127.8 juta
- Selangor Prihatin fasa 2 (1 April 2020) – RM272.5 juta
- Pelan Pemulihan Ekonomi (13 Julai 2020) – RM55.85 bilion (nilai ekonomi)
- Pakej Kita Selangor 1.0 (20 Januari

2021) – RM73.877 juta

■ Pakej Kita Selangor 2.0 (9 Jun 2021) – RM551.56 juta

Sultan Selangor turut menzahirkan sukacita terhadap pelaksanaan Saringan Komuniti secara percuma bagi mengesan jangkitan pada peringkat awal.

Baginda bertitah lebih RM20 juta dibelanjakan negeri yang memanfaatkan seramai 177,823 individu termasuk pemberian 60,000 kit saringan sendiri secara percuma.

"Dalam kalangan pemain industri pula, kerajaan beta melaksanakan sistem Pencegahan Penularan di Kawasan Titik Panas (POIS) bagi membantu syarikat, kilang, pejabat dan tempat kerja untuk mengesan sebarang penularan wabak Covid-19," titah Sultan Selangor lagi.



## 77.6 peratus individu dewasa terima satu dos

# Kadar vaksinasi ikut jumlah rakyat

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

**SHAH ALAM** - Kadar suntikan vaksin di negeri ini mencatatkan rekod tertinggi seluruh negara selaras kepadatan penduduk dan bilangan kes, titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Sebanyak 77.6 peratus penduduk dewasa menerima satu dos vaksin, manakala 46 peratus lagi lengkap dua dos melalui Program Imunisasi Covid-19 (PICK) dan Vaksin Selangor (Selvax).

"Beta turut dimaklumkan sebanyak 276,926 dos vaksin melalui program Selvax telah diberikan kepada rakyat," titah Sultan Selangor ketika menyempurnakan perasmian Istiadat Pembukaan Persidangan Dewan Negeri Selangor pada 23 Ogos.

Sultan Sharafuddin bertitah tumpuan program vaksinasi pada peringkat awal tidak ditumpu kepada penduduk di negeri ini yang padat dan giat sektor industrinya hingga menyebabkan banyak kes kematian.

Pada 8 Jun, Baginda menzahirkan rasa

terkejut dan kecewa berikutan Selangor hanya menerima 615,210 dos vaksin setakat 1 Jun, bukan 2.9 juta dos seperti didakwa sebelum ini.

"Namun apakan daya, nasi sudah menjadi bubur, nyawa rakyat Beta yang telah mati akibat wabak Covid-19 tidak dapat dikembalikan," titah Sultan Selangor lagi.

Justeru, Baginda menyeru semua rakyat termasuk yang sudah menerima dua dos suntikan supaya terus mematuhi tatacara operasi piawai bagi membantu kerajaan menangani wabak Covid-19.

## Ingkar SOP punca jumlah kes naik

**SHAH ALAM** - Kelalaian orang ramai mematuhi tatacara operasi piawai (SOP) mengakibatkan bilangan kes dan kematian akibat Covid-19 meningkat di seluruh negara.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj turut berdukacita apabila Selangor merekod bilangan pesakit dan kematian tertinggi dalam negara.

"Beta sedih apabila melihat kesusaha-

han rakyat yang kematian ahli keluarga dan anak-anak kehilangan ibu bapa. Apatah lagi pada saat ekonomi rakyat berada dalam keadaan amat tenat.

"Beta tidak mahu menuding jari kepada mana-mana pihak, namun peningkatan jumlah pesakit dan kematian akibat Covid-19 berlaku disebabkan kelalaian kita terhadap penguatkuasaan serta pematuan SOP dikeluarkan," titah Baginda pada 23 Ogos.

Sultan Selangor bertitah kegagalan mematuhi larangan merentas daerah dan negeri menyebabkan situasi bertambah buruk apabila wujud kluster baharu serta penularan meluas.

"Lebih memburukkan keadaan apabila terdapat pemimpin politik, golongan kenamaan dan selebriti yang menyalahgunakan kedudukan untuk sewenang-wenangnya melanggar perintah dikeluarkan," titah Baginda.

## Jangan rebut kuasa, abai penduduk

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor mengingatkan ahli politik supaya tidak berebut kuasa hingga mengabaikan tanggungjawab membela rakyat.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah rakyat terpaksa menanggung

kesusahan apabila keadaan politik tidak stabil akibat perebutan kuasa.

"Beta tidak dapat menyembunyikan rasa dukacita dan kesal apabila melihat pergolakan, pertelagahan dan ketidak-tentuan politik negara yang begitu ketara

sejak kebelakangan ini.

"Nampaknya ahli-ahli yang berhormat tidak mahu belajar dari sejarah kejatuhan sesebuah negara akibat perebutan kuasa yang mengakibatkan perpecahan dalam masyarakat," titah Baginda pada 23 Ogos.



**PATRIOTIK...** Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari melekatkan Jalur Gemilang pada motosikal peserta program Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) di Dewan Rakyat Batu Caves, Gombak pada 21 Ogos. Foto RADIN WAZIR

Raih RM18.43 bilion nilai pelaburan

# Sultan syukur negeri kekal pilihan pelabur

OLEH NADIAH ZAMLUS

**SHAH ALAM**- Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bersyukur Selangor kekal pilihan pelabur berikutan RM18.43 bilion nilai pelaburan direkod sepanjang tahun lalu.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah nilai pelaburan hasil 324 projek perkilangan yang diluluskan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) itu turut membuka 19,950 potensi peluang pekerjaan.

"Beta bersyukur kerana Selangor masih menjadi pilihan pelabur- pelabur

tempatan dan luar negara untuk menjalankan perniagaan berikutan kemudahan prasarana yang lengkap dan moden serta dasar-dasar Kerajaan yang memudahkan cara persekitaran perniagaan.

"Kelebihan daya saing ini telah menyaksikan prestasi pelaburan dan perindustrian bagi tahun 2020 merekodkan pencapaian yang cemerlang di mana Selangor mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi berbanding negeri-negeri lain," titah Baginda.

Baginda bertitah ketika Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor ke-14 di Bangunan Annex pada 23 Ogos.

Sultan Selangor bertitah Petaling mencatat jumlah pelaburan tertinggi iaitu RM5.934 bilion diikuti Kuala Langat (RM5.785 bilion) dan Klang (RM3.477 bilion).

"Nilai pelaburan yang direkodkan ini melepasi nilai pelaburan yang disasarkan bagi tahun 2020 iaitu RM12 bilion. Bagi tahun 2021 pula, sasaran pelaburan yang ditetapkan kekal sebanyak RM12 bilion.

"Pengekalan sasaran pelaburan yang ditetapkan ini berdasarkan jangkaan berlakunya pengurangan dalam aktiviti pelaburan disebabkan penularan wabak Covid 19 dan proses pemulihan ekonomi yang dihadapi seluruh negara ketika ini," titah Baginda.

## Negeri kutip hasil RM1.53 bilion

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri mengutip hasil berjumlah RM1.53 bilion sehingga 20 Ogos walaupun keadaan ekonomi tidak menentu susulan Covid-19.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata jumlah tersebut merupakan 69.5 peratus daripada sasaran pendapatan RM2.2 bilion pada tahun ini.

Katanya, pada tahun lalu sasaran penuh kutipan dicapai pada November

dan menunjukkan kesan masa kini yang lebih mencabar.

"Kita ambil beberapa langkah mengurangkan kesan antaranya pelaksanaan Smartbox atau Dropbox di pejabat tanah dan daerah serta menggalakkan program pendigitalan.

"Ia telah mengurangkan kesan kepada pendapatan dan aktiviti ekonomi negeri secara keseluruhan," katanya menjawab pertanyaan lisan wakil rakyat Rawang Chua Wei Kiat dalam sidang Dewan Ne-

geri Selangor di sini, pada 24 Ogos.

Amirudin berkata penularan wabak turut memberi kesan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Selangor pada tahun lalu yang mencatat pertumbuhan negatif 5.3 peratus manakala Malaysia, negatif 5.6 peratus.

Namun, katanya, kesan itu diminimumkan apabila sektor penting dibenarkan beroperasi dan hanya lokasi tertentu dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD).

## Pelajar dapat data percuma Oktober

**SHAH ALAM** - Data internet percuma akan diagihkan kepada pelajar pada Oktober ini bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Dato' Menteri Besar berkata inisiatif selama setahun melibatkan pelajar yang menyertai Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dan golongan berpendapatan rendah.

"Kita menyedari PdPR merupakan salah satu unsur penting yang diperlukan. Saya faham peranti salah satu daripada keangan tetapi bila kita melawat rumah ke rumah, paling tidak ada peranti milik keluarga yang boleh dikongsi.

"Tetapi bekalan internet juga merupakan salah satu yang kritikal, jadi Kerajaan Negeri ambil pendirian ingin membantu," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 25 Ogos.

## 50,000 nasib pekerja berjaya diselamatkan

**SHAH ALAM** - Program Selangor Advance menyelamatkan pekerjaan 50,000 individu daripada 900 syarikat yang mengalami masalah aliran tunai akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif yang diperkenalkan dalam Pakej Selangor Prihatin sebelum ini diteruskan menerusi Pakej Kita Selangor dengan memberi kemudahan tunai kepada syarikat terbabit untuk terus beroperasi ketika penularan Covid-19.

Menurut Amirudin, menerusi transformasi pendigitalan perniagaan Kerajaan Negeri membantu lebih 70,000 syarikat PKS yang berniaga dalam talian di platform terkenal.

"Hasil daripada RM7 juta dibelanjakan berjaya mencatat jualan langsung RM100 juta dan memberi kesan ekonomi melebihi RM1 bilion," katanya dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 24 Ogos.

## 703 sekolah bakal terima peruntukan

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri akan mengagihkan segera peruntukan kepada sekolah yang memohon bantuan untuk tahun ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata pihaknya menerima 703 permohonan iaitu 462 sekolah agama rakyat, 121 sekolah jenis kebangsaan (SJK) Cina dan 101 SJK Tamil.

Menurutnya, permohonan turut melibatkan 15 sekolah mubaligh dan empat sekolah menengah jenis kebangsaan.

"Program ini kita teruskan, namun disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kita sedang kumpul data-data ini dan selepas (sidang) dewan kita akan segera agihkan (peruntukan).

"Sememangnya sekolah ini memerlukan bantuan dalam PKP kerana sebahagian pendapatannya diperoleh menerusi yuran, namun sedikit terganggu kerana sekolah tidak dapat dibuka," katanya pada 24 Ogos.



## Sedia beli lebih banyak dos

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor sedia membeli lebih banyak bekalan vaksin jika ada keperluan pada masa hadapan bagi memastikan kesihatan rakyat terkawal.

Bagaimanapun, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari tidak memperincikan lebih lanjut anggaran jumlah dos yang bakal dibeli negeri.

"Kalau ada keperluan dan kepentingan kita akan tambah pembelian vaksin jika kerajaan dan jabatan tertentu luluskan suntikan ketiga untuk keselamatan rakyat," katanya pada 25 Ogos.

Pada 30 Jun, Kerajaan Selangor melancarkan program Vaksin Selangor (Selvax) bagi melengkapkan dan mempercepat proses suntikan pelalian penduduk negeri ini.

Usaha melibatkan kos bernilai RM200 juta diiktiraf kerajaan persekutuan, malah terangkum dalam kerangka Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan.

Pada 19 Ogos, Kerajaan Negeri bersetuju meminjamkan sebanyak 500,000 dos stok vaksin yang dibeli melalui Selvax kepada Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF).

## 367,599 suntikan diberi sejak Jun

**SHAH ALAM** - Sebanyak 367,599 dos vaksin diberikan kepada penduduk negeri ini melalui program Vaksin Selangor (Selvax) setakat 22 Ogos.

EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah Mahmud berkata jumlah itu merangkumi 224,880 dos menerusi Selvax Komuniti manakala baki membabitkan Selvax Industri.

Beliau turut menjelaskan bekalan yang diperuntuk bagi kedua-dua program tersebut kini berbaki sebanyak 882,401 dos.

"Perancangan seterusnya Selgate akan menjual baki pelalian ini melalui klinik panel di seluruh negara untuk melaksanakan pemberian dos vaskin.

"Selvax juga dalam persiapan untuk suntikan ketiga sekiranya perlu dan individu berusia 18 tahun ke bawah tertakluk kelulusan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19," katanya.

Beliau menjawab pertanyaan wakil rakyat Balakong berhubung baki vaksin negeri dan rancangan seterusnya dalam sidang Dewan Negeri Selangor di sini pada 25 Ogos.

Sehari sebelum itu, Dr Siti Mariah memaklumkan Selangor sudah menerima lebih 7.4 juta dos vaksin daripada Kerajaan Persekutuan sejak Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dilancarkan Februari lalu.

# Jais urus 776 jenazah pesakit Covid-19

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) telah menguruskan 776 jenazah pesakit Covid-19 setakat 10 Ogos.

Dato' Menteri Besar berkata sebanyak 357 jenazah diurus Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang, Hospital Ampang (142), Hospital Serdang (73) dan Hospital Kajang (71) dan Hospital Banting (44).

Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan Hospital Shah Alam (13), Hospital Tanjung Karang (lapan), hospital di Sabak

Bernam (37), hospital di Hulu Selangor (11) serta hospital swasta dan lain-lain (20).

"Jais memberi khidmat pengurusan jenazah Covid-19 secara percuma melainkan kos melibatkan tanah perkuburan sahaja perlu dibayar oleh waris mengikut ketentuan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Sekiranya di bawah seliaan PBT, kos yang perlu dibayar antara RM120 hingga RM300 manakala kos kubur kariah pula

tidak melebihi RM500," katanya.

Beliau menjawab soalan wakil rakyat Pelabuhan Klang Azmizam Zaman Huri berhubung pengurusan jenazah Covid-19 pada sidang Dewan Negeri Selangor pada 24 Ogos.

Tambah Amirudin, seramai 189 sukarelawan yang dianggotai lapan pertubuhan Islam bukan kerajaan (NGOi) dan beberapa individu serta orang perseorangan bekerjasama dengan Jais untuk pengendalian jenazah Covid-19.

## Pastikan lebih ramai penduduk dapat pelalian

# Vaksin bergerak mulai September

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor dijadual memulakan program vaksin bergerak ke kawasan tertentu bermula September ini.


EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah Mahmud berkata inisiatif tersebut untuk memastikan lebih ramai rakyat negeri ini menerima suntikan pelalian.

"Misalnya jumlah individu belum divaksin kurang 200 individu di sesuatu lokasi, kita akan aturkan klinik bergerak yang boleh selesaikan pemberian vaksin dalam sehari.

"Kita perlukan maklum balas jumlah individu belum divaksin dari komuniti serta wakil rakyat supaya program menjadi efektif. Dalam masa sama Klinik Selcare masih terima individu yang datang untuk ambil vaksin," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan wakil rakyat Sungai Pelek Ronnie Liu Tian Khiew dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 24 Ogos.

Dr Siti Mariah berkata pihaknya juga akan meminta Pasukan Petugas



Khas Imunisasi Covid-19 (CITF) mengekalkan beberapa pusat pemberian vaksin (PPV) di negeri ini bagi memudahkan orang ramai mendapat suntikan.

"Kita ada 468 PPV kecil di Selangor selain 13 PPV mega tetapi kita akan lihat ppv yang mana perlu diteruskan, jadi orang ramai boleh datang bila-bila masa.

"Namun, kita ada langkah jangka panjang terutama untuk suntikan tanpa janji temu yang boleh diambil di klinik swasta," katanya.

# RM200 juta bangun projek HORAS 600

**SHAH ALAM** - Kerja projek pembangunan Sistem Peningkatan Hibrid Pinggir Sungai (HORAS) 600 dijadualkan berlangsung September ini membabitkan anggaran kos RM200 juta.

EXCO infrastruktur berkata pelaksanaan projek ini dalam peringkat pelantikan kontraktor dan dijangka siap pada akhir tahun depan melibatkan empat pakej kerja utama.

"Pakej tersebut ialah kerja pembekalan, pemasangan, pengujian dan pentauliahan sistem pengepaman Archimedean

Pump serta yang berkaitan di Kolam HORAS 600 Kampung Sungai Darah, Bestari Jaya, Kuala Selangor dan muka sawk Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang, Kuala Selangor.

"Proses yang sama termasuk kerja pembinaan pelencongan sungai juga dijalankan di muka sawk LRA SSP 1, 2 & 3 Bestari Jaya, Kuala Selangor dan muka sawk LRA Sungai Semenyih, Jenderam Hilir," kata Ir Izham Hashim pada 24 Ogos.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amiru-

din Shari ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2021 pada 30 Oktober lalu menggariskan empat langkah mengatasi gangguan bekalan air.

Perkara tersebut meliputi projek perintis rawatan teknologi nano bagi merawat air Sungai Gong dan menambah bilangan stesen telemetri kualiti air bagi sistem amaran awal di hulu muka sawk.

Turut dilaksanakan projek pengepaman air mentah dari kolam takungan HORAS dan Kolam Takungan Hiliran (ORS) di Bestari Jaya serta pemantauan dan pengawasan 24 jam di kawasan sensitif.



WAKTU SOLAT  
26 OGOS -  
1 SEPTEMBER 2021  
17 - 23 MUHARRAM 1443

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
26 Khamis	5:51	6:01	7:08	1:18	4:29	7:23	8:33
27 Jumaat	5:51	6:01	7:08	1:18	4:28	7:23	8:33
28 Sabtu	5:50	6:00	7:08	1:18	4:28	7:22	8:32
29 Ahad	5:50	6:00	7:07	1:17	4:27	7:22	8:32
30 Isnin	5:50	6:00	7:07	1:17	4:26	7:22	8:31
31 Selasa	5:50	6:00	7:07	1:17	4:25	7:21	8:31
1 Rabu	5:50	6:00	7:07	1:16	4:24	7:21	8:30

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:52	6:02	7:09	1:18	4:30	7:23	8:33
	5:52	6:02	7:09	1:18	4:30	7:23	8:33
	5:51	6:01	7:09	1:18	4:29	7:22	8:32
	5:51	6:01	7:09	1:18	4:28	7:22	8:32
	5:51	6:01	7:08	1:17	4:27	7:22	8:31
	5:51	6:01	7:08	1:17	4:26	7:21	8:31
	5:51	6:01	7:08	1:17	4:25	7:21	8:30

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:53	6:03	7:10	1:20	4:31	7:25	8:35
	5:53	6:03	7:09	1:20	4:30	7:25	8:35
	5:52	6:02	7:09	1:20	4:30	7:24	8:34
	5:52	6:02	7:09	1:19	4:29	7:24	8:34
	5:52	6:02	7:09	1:19	4:28	7:24	8:33
	5:52	6:02	7:09	1:19	4:27	7:23	8:33
	5:52	6:02	7:08	1:18	4:26	7:23	8:32



MALAYSIA PRIHATIN

# SELAMAT HARI KEBANGSAAN KE 64

Daripada:

Lembaga Pengarah, Pengurusan & Kakitangan



Menteri Besar Selangor Incorporated

dan Anak-anak Syarikat





# Perangi wabak, pacu ekonomi

Sultan Selangor menzahir rasa syukur terhadap pencapaian Selangor yang terus mengekalkan reputasi sebagai negeri tumpuan pelabur sekali gus membuka peluang kerja kepada penduduk.

Menyempurnakan Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor ke-14, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj turut bertitah mengenai manfaat beberapa pakej bantuan dan rangsangan ekonomi.

Baginda juga menyentuh usaha Kerajaan Negeri dalam menangani pandemik, tekad mengekalkan keluasan Hutan Simpanan Kekal selain usaha berterusan memperkasa pendidikan Islam.

Berikut sebahagian titah Baginda di Dewan Negeri Selangor pada 23 Ogos.



**B**eta bersyukur kerana Selangor masih menjadi pilihan pelabur-pelabur tempatan dan luar negara untuk menjalankan perniagaan berikutan kemudahan prasarana yang lengkap dan moden serta dasar-dasar Kerajaan yang memudahkan cara persekitaran perniagaan.

Kelebihan daya saing ini telah menyaksikan prestasi pelaburan dan perindustrian bagi 2020 merekodkan pencapaian yang cemerlang di mana Selangor mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

Sebanyak 324 projek perkilangan telah diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) di Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM 18.43 bilion.

Dari jumlah ini, sebanyak RM6.95 bilion atau 37.7 peratus daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 11.48 bilion atau 62.3 peratus daripada pelaburan asing.

Pelabur daripada Jepun masih merupakan pelabur utama, diikuti pelabur daripada Belanda dan China. Di sebalik kemelut pandemik Covid-19, Beta dimaklumkan bahawa sebanyak 19,950 potensi peluang pekerjaan telah berjaya diwujudkan hasil daripada projek-projek perkilangan yang diluluskan di negeri Selangor.

Daerah Petaling mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi berbanding daerah lain di Selangor dengan nilai pelaburan melebihi RM5.934 bilion. Ini diikuti Kuala Langat melebihi RM5.785 bilion dan Klang melebihi RM3.477 bilion.

Nilai pelaburan yang direkodkan ini melepasi nilai pelaburan yang disasarkan bagi 2020 iaitu sebanyak RM12 bilion. Bagi 2021 pula, sasaran pelaburan yang ditetapkan kekal sebanyak RM12 bilion. Pengkalan sasaran pelaburan yang ditetapkan ini berdasarkan jangkaan berlakunya pengurangan dalam aktiviti pelaburan disebabkan penu-

laran wabak Covid-19 dan proses pemulihan ekonomi yang dihadapi seluruh negara ketika ini.

Walaupun Selangor masih lagi menjadi tumpuan para pelabur, tidak dapat dinafikan pelaksanaan kawalan pergerakan ini telah menyebabkan penutupan premis perniagaan yang menyebabkan rakyat kehilangan sumber pekerjaan dan pendapatan. Keadaan ini telah menyebabkan peningkatan kepada kadar pengangguran negara. Pada 2020 pengangguran di Malaysia telah meningkat kepada 4.9 peratus berbanding 3.2 peratus pada 2019.

## Terokai dunia digital

Selepas sedikit pertumbuhan pada awal tahun ini, baru-baru ini kadar pengangguran telah meningkat semula kepada 4.8 peratus selepas 40,600 pekerja hilang pekerjaan pada Jun 2021.

Penularan pandemik Covid-19 ini telah memaksa kita untuk menggunakan teknologi dan kemudahan dalam talian sebagai sebahagian daripada kehidupan seperti membeli barangan, menghadiri kelas, bermesyuarat, menguruskan bencana dan aktiviti seharian yang lain.

Ini menunjukkan bahawa kita sedang bergerak ke arah satu kehidupan serba digital dan Selangor akan terus menyediakan infrastruktur bermutu dan berkelajuan tinggi serta khidmat penyambungan digital yang cekap dan selamat.

Pada masa yang sama, Kerajaan Beta berpandangan wujud keperluan untuk menggiatkan lagi usaha memastikan ekonomi negeri lebih tangkas untuk menghadapi sebarang ancaman dan risiko, sama ada ancaman dari segi perubahan iklim, bencana alam seperti banjir dan kejadian lain yang mampu mengancam dan menggugat kesejahteraan

rakyat. Ini kerana perubahan iklim atau bencana alam mampu memberikan impak negatif terhadap ekonomi.

Justeru, Beta ingin mengingatkan Kerajaan Beta agar terus melaksanakan agenda hijau dengan mewujudkan ekosistem yang terbaik dan moden untuk menarik pelaburan dalam teknologi hijau yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim.

Ini bukan sahaja boleh merangsang tenaga malah mampu meningkatkan daya tahan ekonomi dan alam sekitar untuk satu tempoh masa yang panjang.

## Kekal hijau

Sehubungan dengan itu, keputusan Kerajaan Beta untuk terus komited mengekalkan keluasan Hutan Simpanan Kekal di negeri Selangor agar tidak kurang 30 peratus daripada keluasan tanah negeri adalah keputusan yang tepat dan wajar dalam melaksanakan agenda hijau ini.

Beta dimaklumkan sehingga kini, kawasan Hutan Simpanan Kekal yang telah diwartakan di Selangor adalah berjumlah lebih kurang 250,000 hektar iaitu bersamaan dengan Tiga 31.47 peratus daripada keluasan tanah negeri.

Kerajaan Selangor turut mensasarkan sebanyak 32 peratus kawasan negeri diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal pada 2025. Selangor merupakan negeri pertama dan satu-satunya negeri di Malaysia yang telah menguatkuasakan Penyiasatan Awam sebagai syarat di dalam prosedur penyahwartaan Hutan Simpanan Kekal.

Hal ini menunjukkan tahap komitmen dan kesungguhan tinggi Kerajaan Negeri Beta dalam melindungi sumber hutan selaras dengan agenda pembangunan hijau negeri.

Beta menyambut baik usaha Kerajaan Beta menangani isu pencemaran air yang

berleluasa pada tahun lalu. Tindakan seperti pembaharuan Enakmen LUAS 1999 yang berasaskan 'Polluters Pay Principle' serta peruntukan RM360.52 Juta yang merangkumi aspek sistem rawatan air bio-remediation, disertakan dengan sikap inklusif mencetuskan peranan rakyat Beta melalui Friends of River dibuktikan membantu menyelesaikan cabaran yang dihadapi tahun lalu.

Walaupun pelbagai inisiatif dan kemajuan teknologi telah dilaksanakan Kerajaan Negeri untuk memastikan bekalan air yang lestari, semua penduduk di Selangor seharusnya menggunakan air dengan cara yang lebih berhemat untuk mengelakkan pembaziran.

Kerajaan Beta melalui Air Selangor terus komited untuk memberi tumpuan memperingkatkan daya tahan perkhidmatan bekalan air bersih di samping turut menjamin bekalan air berterusan kepada pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

## Perkasa pendidikan Islam

Pendidikan adalah merupakan tunjang utama dalam aspek pembangunan modal insan. Beta amat berkenan dengan pembinaan sekolah baru yang telah beroperasi tahun ini seperti:

Maahad Integrasi Tahfiz Selangor di Pandan Indah Hulu Langat, Sekolah Rendah Agama Denai Alam di Shah Alam dan Sekolah Rendah Agama Country Homes di Gombak.

Perbelanjaan pembinaan Sekolah Rendah Agama dan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor yang menelan belanja RM22 juta ini adalah bukti komitmen Kerajaan Beta bagi memastikan agenda pendidikan Islam terus diperkasa.



*Ayuh!*  
**Bangkit Malaysia**



# **SELAMAT HARI KEMERDEKAAN KE**



**PERBADANAN KEMAJUAN  
PERTANIAN SELANGOR**



**MALAYSIA PRIHATIN**





**SIDANG PENGARANG**

Penasihat

**Lembaga Penasihat Editorial**

Pengarang kumpulan:

**Fathi Aris Omar**

fathi@mediaselangor.com

**KETUA JABATAN**

Edisi Mandarin:

**Seh Pei Sun**

peisun@mediaselangor.com

Selangor Journal:

**Ida Nadirah Ibrahim**

ida@mediaselangor.com

Tamil Indru:

**Pakiyanathan Anamaly**

pakiyanathan@mediaselangor.com

SelangorTV:

**Marniza Othman**

marniza@mediaselangor.com

**Ameen Azizul**

ameen@mediaselangor.com

Media Sosial:

**Faridzwan Abdul Ghafar**

faridzwan@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:

**Suziana Zulkifli**

suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:

**Adzhar Maludin**

adzharaludin@mediaselangor.com

**selangorkini**

Ketua pengarang:

**Fazallah Pit**

fazallah@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:

**Naeem Raffi**

Penolong pengarang portal:

**Afeeqa Afeera Abdul Rasol**

Ketua wartawan:

**Afix Redzuan**

Jurufoto kanan:

**Hafiz Othman**

Artis grafik kanan:

**Azwa Malek**Editorial: [info@mediaselangor.com](mailto:info@mediaselangor.com)Iklan: [sales@mediaselangor.com](mailto:sales@mediaselangor.com)Pemasaran: [marketing@mediaselangor.com](mailto:marketing@mediaselangor.com)**MediaSelangor**Media Selangor Sdn Bhd,  
Aras 11 Menara Bank Rakyat,  
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,  
40000 Shah Alam, Selangor

Tel: 03-5523 4856 Fax: 03-5523 6856

**DARI MUKA 6**

Perbelanjaan pembinaan Sekolah Rendah Agama dan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor yang menelan belanja RM22 juta ini adalah bukti komitmen Kerajaan Beta bagi memastikan agenda pendidikan Islam terus diperkasa.

Beta juga amat berkenan dengan langkah Kerajaan Negeri memperkenalkan caruman PERKESO kepada 4,200 guru KAFA yang menelan belanja RM1.1 juta. Langkah ini bagi memastikan kebajikan warga pendidik terus dijamin dan dipelihara.

Beta juga ambil maklum kenyataan Memanda Dato' Menteri Besar baru-baru ini bahawa Guru-guru KAFA dan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) akan diutamakan bagi pemberian vaksin bagi memastikan kesihatan mereka dipelihara dan memudahkan sesi pembukaan sekolah tidak lama lagi.

**Dukacita kematian tinggi**

Di kesempatan ini, Beta ingin menzahirkan kebimbangan Beta berkaitan dengan penularan wabak Covid-19 yang melanda Negara khususnya di Selangor. Beta merasa amat sedih dan dukacita melihat setiap hari Selangor merekodkan jumlah pesakit dan kematian akibat wabak Covid-19 paling tinggi di Malaysia. Beta sedih apabila melihat kesusahan rakyat Beta yang kematian ahli keluarga dan anak-anak yang kehilangan ibubapa tempat bergantung.

Apatah lagi pada saat ekonomi rakyat juga berada di dalam keadaan yang amat tenat. Beta tidak mahu menuding jari kepada mana-mana pihak atas peningkatan kadar kematian dan jumlah pesakit Covid-19 ini.

Namun demikian, pada hemat Beta, peningkatan jumlah pesakit dan kematian akibat Covid-19 berlaku disebabkan kelalaian kita terhadap penguatkuasaan dan pematuhan SOP yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara. Di sini Beta berikan contoh perbandingan iaitu pada 18 Oktober 2020, jumlah kes jangkitan akibat Covid-19 di Selangor hanyalah 3,250 kes dengan 25 jumlah kematian di Selangor.

Kemudian apabila Negara memasuki Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), angka kes baharu dan kematian mula meningkat. Pada 31 Januari tahun ini, kes kematian di Selangor naik kepada 155 jumlah kematian.

Sekitar Mei lalu, kerajaan telah membenarkan beberapa sektor ekonomi dibuka bagi tujuan menjana ekonomi negara dan membantu rakyat untuk mencari pendapatan. Apa yang berlaku pada ketika itu adalah Beta melihat kurangnya penguatkuasaan dijalankan oleh pihak penguatkuasa dan masyarakat mengambil ringan tentang pematuhan SOP.

Sebagai contohnya, apabila pasar-pasar malam dan pasar Ramadan dibuka, rakyat dilihat beramai-ramai berkunjung di pasar-pasar tersebut tanpa mengambil berat tentang keperluan penjarakan fizikal dan

penggunaan pelitup muka.

Begitu juga dengan operasi kilang-kilang yang mana pihak majikan telah gagal menyediakan satu SOP yang ketat untuk pekerja-pekerja mereka yang datang bekerja. Kelalaian ini telah mencetuskan gelombang ketiga wabak Covid-19 ini sehingga kadar kes dan kematian akibat Covid-19 melonjak dengan begitu ketara.

Keadaan ini menjadi bertambah kritikal apabila ada dalam kalangan rakyat yang tidak mematuhi larangan merentas daerah dan negeri ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dikuatkuasakan dengan bertindak pulang ke kampung merentas daerah dan negeri pada musim perayaan Aidilfitri dan Aidiladha yang lalu.

Ini telah mengakibatkan wujudnya kluster-kluster baharu dan juga penularan wabak secara meluas ke seluruh negara. Lebih memburukkan lagi keadaan apabila terdapat pemimpin-pemimpin politik, golongan kenamaan (VIP) dan selebriti yang menyalahgunakan kedudukan untuk sewenang-wenangnya melanggar perintah yang dikeluarkan ketika PKPD sedang berkuat-kuasa dengan menyertai aktiviti-aktiviti yang dilarang oleh Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara.

Di samping itu juga, pada peringkat awal program vaksinasi negara dilaksanakan, tumpuan vaksinasi tidak diberikan keutamaan kepada negeri dan kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang ramai. Keutamaan vaksinasi juga tidak dilakukan di Lembah Klang di mana kegiatan sektor industri adalah pesat khususnya di Selangor.

**Bersama perangi wabak**

Akibat dari itu wabak Covid-19 ini telah merebak dengan cepat di kawasan-kawasan yang mempunyai penduduk yang ramai serta lahirnya kluster-kluster kilang yang merebak tanpa kawalan. Namun apakan daya, nasi sudah menjadi bubur, nyawa rakyat Beta yang telah mati akibat wabak Covid-19 tidak dapat dikembalikan.

Apa yang penting sekarang ini adalah untuk kita melangkah ke hadapan dengan penuh positif dan mengharap kesilapan dan kelalaian yang berlaku tidak kita ulangi semula.

Justeru itu Beta menyeru kepada semua rakyat untuk mengamalkan sikap bertanggungjawab di dalam mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan bagi membantu pihak kerajaan di dalam menangani wabak Covid-19 ini.

Beta berharap rakyat Beta memberi kerjasama sepenuhnya untuk mendapatkan vaksinasi Covid-19 masing-masing seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Ahli-ahli Yang Berhormat semua perlu memainkan peranan untuk menasihatkan rakyat agar segera mengambil suntikan vaksin Covid-19 supaya Selangor boleh mencapai imuniti kelompok pada tarikh yang disasarkan.

Namun, kepada yang telah mendapat dua dos suntikan vaksin, Beta berharap

agar jangan ambil mudah dan merasakan diri kebal. Beta menyeru agar rakyat terus mematuhi SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan hiduaplah dalam norma baharu. Amalkan pemakaian pelitup muka apabila keluar rumah dan pastikan penjarakan fizikal sentiasa dipatuhi.

**Henti rebut kuasa**

Di kesempatan ini juga Beta secara peribadi menzahirkan ingatan kepada semua Ahli Dewan Negeri Selangor, agar jangan terlalu banyak berpolitik serta merebut kuasa dan kedudukan sehingga melupakan tanggungjawab utama untuk membela nasib rakyat. Beta tidak dapat menyembunyikan rasa dukacita dan kesal apabila melihat pergolakan, pertelagahan dan ketidaktentuan politik negara yang begitu ketara sejak kebelakangan ini.

Nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mahu belajar dari sejarah tentang kejatuhan sesebuah negara akibat perebutan kuasa yang mengakibatkan perpecahan di dalam masyarakat. Tidakkah Ahli-ahli Yang Berhormat sedar bahawa apabila pemimpin-pemimpin politik berebut kuasa dan keadaan politik menjadi tidak stabil maka rakyat yang terpaksa menanggung kesusahannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sudah pastinya tahu betapa rakyat sekarang berada di dalam keadaan susah dan menderita di dalam suasana negara dan dunia sedang berhadapan dengan gejala wabak Covid-19 ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sepatutnya mengambil tahu tentang masalah yang sedang di hadapi oleh rakyat di kawasan masing-masing khususnya mengenalpasti apakah bantuan yang perlu disalurkan kepada rakyat yang terjejas akibat wabak Covid-19.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga sepatutnya menyemak jumlah rakyat yang telah hilang pekerjaan dan mencari jalan untuk membantu golongan ini. Data-data juga perlu diperolehi daripada mereka yang telah kehilangan ibu bapa tempat pergantungan dan yang berhadapan dengan masalah tekanan hidup agar perkara ini boleh diangkat kepada pihak Kerajaan Negeri untuk ditentukan bagaimana bentuk bantuan yang boleh diberikan.

Beta mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, rakyat di bawah sana memerlukan anda untuk membantu kesusahan yang sedang mereka lalui. Bantulah mereka, carilah mereka, bukan sekadar mencari mereka untuk mendapatkan undi sewaktu pilihan raya semata-mata.

Ingatlah, mandat yang diberi oleh rakyat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua sebagai wakil rakyat adalah merupakan amanah Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang diletakkan ke atas bahu Ahli-ahli Yang Berhormat semua yang perlu dilaksanakan dengan jujur, bertanggungjawab dan penuh keikhlasan.

Teks penuh dimuatkan di Facebook Selangor Royal Office pada 24 Ogos 2021



OLEH  
NAZLI IBRAHIM

PKNS PLUS Mesti Beli sasar RM24 juta

# Kempen siri 1/2021 capai sasaran

**S**elepas kejayaan kempen PKNS PLUS Siri 1/2021 yang meraih jualan lebih RM50 juta dengan sasaran mencapai 151 peratus, anak syarikat Kerajaan Negeri itu terus mengorak langkah dengan kempen terbaharunya.

Dalam kempen terbaharu, PKNS sekali lagi membuktikan kemampuan menyediakan produk hartanah selesa dengan potongan harga menarik dan pulangan pelaburan lumayan dalam kempen PKNS PLUS Mesti Beli.

Promosi ini turut dilancarkan secara dalam talian melalui PKNS X Line dan Media Sosial PKNS Property (Facebook dan Instagram).

PKNS menyasarkan 27 unit hartanah termasuk tujuh projek dengan pelbagai pakej menarik kepada pelanggan seperti yuran guaman percuma, duti setem percuma, barangan Smart Home sehingga RM15,000 untuk projek terpilih.

Antara projek yang ditawarkan adalah 105 unit rumah link dua tingkat di Bernam Jaya atau Rafflesia, 14 unit rumah link dua tingkat di Kota Puteri atau Puteri Daffina X.

Terdapat dua projek perumahan yang ditonjolkan oleh PKNS Mesti Beli di Antara Gapi iaitu 146 unit rumah berkembar dua tingkat (Azhara) dan 54 unit rumah berkembar (Cassia).

Sementara itu, sejumlah 300 unit rumah link dua dan tiga tingkat di Selangor Cyber Valley atau Residensi Aurora, 10 unit rumah berkembar tiga tingkat di Alam Nusantara atau Hijauan Enklaf serta 50 unit rumah superlink tiga tingkat atau Anggun Kirana.

Ia bertujuan mempromosi produk hartanah PKNS kepada orang awam dengan pelbagai pilihan dan keistimewaan seperti rumah sedia diduduki serta

pakej hiasan dalaman untuk projek terpilih.

Selain itu, ia memberi fokus kepada usaha memperkenalkan perbandaran PKNS yang serba lengkap dengan kemudahan dan infrastruktur pesat membangun kepada masyarakat.

PKNS PLUS Mesti Beli juga memberi peluang kepada orang awam untuk memiliki hartanah dengan rebat dan diskaun eksklusif khas untuk pembeli pada waktu promosi berikutan penganjuran kempen ini sempena ulang tahun PKNS ke-57 dan bulan kemerdekaan.

## Kempen PLUS Siri 1/2021

Pada 27 dan 28 Mac lalu, Program PKNS PLUS Siri 1/2021 yang diadakan secara serentak di semua Galeri Jualan Hartanah PKNS menunjukkan kejayaan memberangsangkan.

PKNS PLUS Siri 1/2021 berjaya mencapai nilai jualan secara keseluruhan lebih RM50 juta melibatkan 102 unit yang melebihi sasaran ditetapkan apabila berjaya mencapai 151 peratus.

Projek hartanah PKNS ini mempunyai pelbagai kelebihan daripada segi perbandaran dan produk antaranya kawasan yang sedang giat membangun serta hampir dengan akses lebuh raya.

Selain menawarkan kemudahan serta prasarana awam yang hampir dengan perbandaran, kediaman PKNS juga menawarkan suasana persekitaran yang tenang lagi mendamaikan.

Pastinya PKNS menyediakan kediaman siap diduduki dengan pelbagai pilihan serta pakej menarik selain pelaburan jangka panjang menguntungkan.

## Maklumat di hujung jari

Dalam usaha memastikan program ini dekat di hati pembeli, Online Experience menjadi salah satu medium terbaru bagi pemasaran hartanah PKNS.

Melalui kempen ini, pembeli akan mendapat maklumat lebih tepat dan pantas bertepatan dengan hasrat PKNS untuk memberi keutamaan kepada pelanggan dengan menaik taraf



khidmat jualan.

Medium ini adalah sebuah pautan yang memberi kemudahan kepada pelanggan mengakses maklumat mengenai hartanah PKNS.

Pautan akan diberikan kepada pelanggan pada hari program berlangsung iaitu 28 dan 29 Ogos ini.

Pelanggan akan memperoleh maklumat seperti harga projek, pelan lantai, pelan tapak dan peta akses.

Kempen juga akan dijalankan secara hibrid iaitu digital dan konvensional, manakala penjualan secara dalam talian melalui Talian PKNS X Line dan Media Sosial PKNS Property.

Jenama baru bagi kempen promosi dan jualan PKNS tahun 2021 ini akan diteruskan pada masa akan datang dengan enam lagi program menarik.

Antaranya PKNS PLUS Mesti Beli (Ulang tahun PKNS), Pelancaran Life @ PKNS, Program Life@Kota Puteri, Program Life @ Bernam Jaya, Program Life @ Antara Gapi dan PKNS PLUS Mesti Beli (akhir tahun).

Untuk makluman, P, L, U dan S membawa maksud tersendiri iaitu Potongan Harga dengan diskaun dan rebat menarik untuk pembeli sehingga 20 peratus, manakala L adalah Lambakan Pakej Menarik ditawarkan antaranya Hiasan Dalaman dan Smart Home.

Manakala U bermaksud Unit Nilai Tinggi bagi hartanah PKNS yang memberi pulangan pelaburan lumayan kepada pembeli, S pula membuktikan produk PKNS memberikan ruang Selesa dan Luas kepada seisi keluarga.





# Peliharana identiti kebangsaan



**K**ita menyambut Hari Kebangsaan tahun ini dalam suasana krisis kesihatan dan politik berpanjangan yang belum pernah kita alami sebelum ini. Pengalaman lampau ketika melalui liku-liku cabaran dari penjajahan hinggalah proses pengisian kemerdekaan seharusnya mengajar kita untuk terus cekal dan berfikiran positif.

Selepas berlakunya sejarah hitam 13 Mei 1969, Tun Abdul Razak yang pada waktu itu mempengerusikan Majlis Perundingan Negara mengetengahkan idea dan prinsip Rukun Negara sebagai usaha mengemudi negara ke arah identiti kebangsaan.

Pada ketika itu, suatu ideologi yang mampu mengatasi garis pemisah antara kaum difikirkan perlu untuk diwujudkan di negara muda ini.

Majlis Perundingan Negara dalam beberapa siri perbincangan menggariskan beberapa objektif seperti kebersamaan, kehidupan berdemokrasi, sebuah masyarakat yang adil dan saksama, pemeliharaan nilai dan tradisi serta sebuah bangsa yang progresif ke arah penggunaan sains dan teknologi.

Latar belakang ini kemudiannya menjadi menjadi teras kepada lima prinsip yang dilaungkan kita sejak dari bangku sekolah lagi, selepas dimasyhurkan oleh Sultan Ismail Nasiruddin Shah ibni al-Marhum Sultan Haji Zainal Abidin III Mu'azzam Shah, Yang di-Pertuan Agong Malaysia Ke-4, pada 31 Ogos 1970, ulang tahun kemerdekaan ketiga belas.

Seperti Pancasila di Indonesia, deklarasi bersama ini menjadi iltizam dan bahtera untuk mengemudi negara Malaysia agar setiap rakyat memahami sejarah, kisah dan rencana kemerdekaan yang dipenuhi jalan berliku-liku dan melibatkan pengorbanan pelbagai pihak.

## Endemik

Dan sejak detik itu, negara kita telah melalui pelbagai cabaran untuk tiba sehingga ke detik ini.

Walaupun ulang tahun kemerdekaan kali

ini seakan-akan dejavu tahun lalu, di mana kita mengharungi dan menghadapi cabaran virus Covid-19 yang meragut lebih 14,000 nyawa dan menjangkiti sekurang-kurangnya 1,593,602 penduduk Malaysia, perbezaannya kali ini, sejumlah besar penduduk negara telah menerima vaksin, termasuk sekurang-kurangnya 3,178,491 ataupun 66.92 peratus daripada populasi dewasa yang mendaftar untuk menerima vaksin.

Namun, negara kita tidak boleh laungkan kata-kata "Merdeka!" daripada wabak Covid-19 selagi terdapat kes-kes jangkitan virus ini yang masih menular di negara kita serta negara-negara lain. Ini mendesak keperluan untuk kita semua mengadaptasi secara sepenuhnya cara dan gerak kehidupan kita dan menerima hakikat bahawa kita harus hidup bersama-sama dengan ancaman Covid-19 (live with the virus) sebagai endemik.

Menginsafi hakikat itu, kita berada dalam saat terpenting dalam abad ini yang harus difahami dan didalami oleh setiap lapisan masyarakat, daripada peringkat ketua-ketua keluarga dan komuniti sehingga ke tahap pimpinan negara.

Dan cabaran yang saya maksudkan di sini adalah jurang generasi ataupun 'generational divide' yang sedang kita lihat.

Setiap generasi mempunyai detik 'kemerdekaan'-nya, dan ditimbulkan sama ada melalui isu, kejadian, situasi ataupun darurat yang mendorong sekumpulan orang untuk berhenti menerima sesuatu situasi dan mula bertindak membetulkan kesilapan-kesilapan yang dilihat serta dialaminya.

Misalnya, Dr Martin Luther King belum tentu akan tertonjol sebagai ikon pembebasan jika tidak berlakunya penindasan warna kulit. Kemerdekaan India tidak mungkin dapat dicapai tanpa jerih-payah Mahatma Gandhi. Begitu juga dengan negara kita ke arah membebaskan tanah ini daripada cengkaman kuasa luar.

Secara peribadi, kesedaran saya untuk menjadi lebih aktif dan menyumbang kepada pembangunan negara terancang pada

tahun 1998 yang kemudiannya dikenali sebagai Generasi Reformasi. Generasi ini bangkit menuntut keadilan akibat berlakunya beberapa insiden melibatkan kuasa negara digunakan sewenang-wenangnya bagi kepentingan tertentu.

Ini disusuli pula dengan Generasi Bersih sepuluh tahun kemudian yang melihat lahirnya generasi baharu yang menuntut, antara lain supaya meratakan padang sistem pilihan raya.

## Generasi baharu

Kini, kita berada pada titik pertimbangan itu dan kemuncak lahirnya generasi baharu yang menuntut supaya masa hadapan negara tidak ditentukan hanya oleh mereka yang dilihat sebagai generasi Perang Dingin.

Generasi ini merasakan bahawa suara mereka tidak didengari pimpinan politik dan negara yang berasaskan sistem hierarki. Mereka melihat sistem ini didirikan dengan konsep jalan sehalu kerajaan kepada rakyat tanpa wujudnya dialog yang sewajarnya.

Bahasa politik yang digunakan kini dilihat tidak relevan dan tidak menyentuh kepentingan generasi muda kerana lahir dari perasaan yang kurang ikhlas. Ini mungkin menolak penglibatan mereka daripada kekal 'engaged' menjadi tidak peduli atau 'disengagement' malahan mungkin membawa kepada 'apathy' ataupun pendirian sinikal.

Mereka menuntut supaya padang permainan menjadi rata agar medan politik menjadi lebih inklusif, bukan terpaut kepada sistem, pendekatan, komitmen dan kesilapan yang lepas.

Dunia yang bakal mereka warisi terpaksa menghadapi cabaran berlain berbanding generasi sebelum ini. Antaranya seperti perubahan iklim, perumahan mampu milik, model pengajaran dan pembelajaran yang bertaraf dunia, peluang dan kualiti pekerjaan baharu, serta sistem kewangan yang lebih adil dan saksama.

Disebabkan ini, negeri Selangor tampil

ke hadapan dengan beberapa usaha dan idea di luar kotak, seperti usaha ke arah menjamin peluang pekerjaan serta mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam bentuk Selangor Advance, Selangor Freelancer, Niaga Darul Ehsan, perumahan mampu milik berkualiti Rumah Idaman, serta pengkhususan kepada kesihatan awam menangani penularan wabak Covid-19 seperti saringan berskala besar serta bantuan pantas kepada golongan yang amat terkesan.

Cara dan pendekatan yang digunakan untuk menangani perkara ini amat penting kerana generasi muda bakal menjadi duta abad ke-21.

Namun, penting juga untuk generasi muda memahami, mendalami dan menghargai usaha dan pengorbanan yang disumbang oleh generasi-generasi sebelum ini agar tidak terkeluar daripada rasa kekitaan dalam memelihara identiti kebangsaan yang menjadi hak bersama kita semua.

Tun Razak pernah berpesan bahawa "kita bertanggungjawab mengisi kemerdekaan yang telah kita capai dan kita bertanggungjawab membina satu bangsa yang mempunyai taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara kita ini daripada rakyat negeri kita yang berasal dari berbagai bangsa itu."

Mengambil iktibar tersebut, marilah bersama-sama kita mengisi kemerdekaan dengan memajukan bangsa ini ke hadapan.

Saya mengakhiri perutusan ini dengan sekali lagi memetik kata-kata Tun Razak, "kemajuan sesuatu bangsa itu bukanlah dalam tangan Kerajaan bahkan bukanlah dalam tangan Menteri, tetapi ialah dalam tangan, dalam nadi dan titik peluh tiap-tiap orang rakyat. Oleh itu kalau kita semua ada mempunyai keazaman, semangat dan jiwa ingin kepada kemajuan, semangat dan jiwa berani dan bersedia berkorban dan bertenaga, dengan berkat Tuhan kemajuan-kemajuan akan tercapai".

Selamat Hari Kebangsaan kepada semua!



Dijangka masuk fasa dua pada September

# 98 peratus terima dos pertama

Oleh **SHEEDA FATHIL**

**SHAH ALAM** - Sebanyak 98 peratus penduduk negeri ini menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin setakat pertengahan Ogos menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan dan Vaksin Selangor (Selvax).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yakin Selangor bakal beralih ke fasa dua Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada September berdasarkan peratusan itu.

"Setelah dikemas kini angka dari Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19, kita dapati pemberian vaksin dos pertama di negeri ini mencecah 98 peratus," katanya dalam sidang media secara maya pada 19 Ogos.

Sebelum ini, Kerajaan Selangor menyasarkan 80 peratus penduduk dewasa

negeri ini menerima vaksin menjelang Oktober, 100 hari lebih awal daripada jadual.

Setakat pertengahan Ogos juga, lebih separuh penduduk Selangor lengkap dua dos hasil kerancangan program suntikan negeri dan persekutuan.

Amirudin juga menjelaskan bilangan pesakit Covid-19 yang kritikal semakin menurun berdasarkan laporan Hospital Tengku Ampuan Rahimah dan Hospital Sungai Buloh.

"Kemasukan pesakit dalam lingkungan usia 40 ke 60 tahun atau kumpulan komorbiditi ada penurunan yang amat signifikan. Kita jangka jika dapat tingkatkan (suntikan vaksin) ia membantu melengkapkan imuniti kelompok," katanya.

Sementara itu, EXCO kesihatan awam berkata sebanyak 367,599 dos vaksin sudah diberikan kepada penduduk negeri

ini melalui Selvax setakat 22 Ogos.

Berucap dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 25 Ogos, Dr Siti Mariah Mahmud berkata jumlah itu merangkumi 224,880 dos menerusi Selvax Komuniti manakala baki membabitkan Selvax Industri.

Beliau turut menjelaskan bekalan yang diperuntuk bagi kedua-dua program tersebut kini berbaki sebanyak 882,401 dos.

Selvax dilancarkan pada hujung Jun dengan peruntukan RM200 juta membabitkan dua juta dos kepada pekerja termasuk warga asing bagi mengawal perebakan wabak di tempat kerja menerusi Selvax Industri.

Selvax Komuniti pula memanfaatkan 250,000 penduduk yang belum divaksin terutama warga emas, golongan berpendapatan rendah dan penerima skim Inisiatif Peduli Rakyat.

## Portal memudahkan mohon 24 inisiatif

**SHAH ALAM** - Orang ramai boleh membuat permohonan inisiatif bawah Pakej Kita Selangor 2.0 hanya di hujung jari berikutan pelancaran portal kitaselangor.my

Pengarah Urusan Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) berkata orang ramai hanya perlu menekan butang "mohon di sini" dan memilih bantuan melalui 24 inisiatif dalam pakej tersebut.

Dr Fahmi Ngah berkata pemohon kemudian cuma perlu memasukkan butiran peribadi atau syarikat, menekan "butang hantar" sebelum menerima maklum balas permohonan menerusi e-mel.

"Setiap permohonan bantuan atau inisiatif akan sampai terus kepada bahagian yang menguruskannya.

"Orang ramai juga boleh merujuk perkembangan pelaksanaan setiap inisiatif bagi mengetahui sama ada kuota bantuan masih ada atau telah penuh," katanya pada 19 Ogos.

Fahmi menjelaskan portal tersebut yang dibangunkan SSDU dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor menerima 5,800 permohonan selepas dua hari dilancarkan.

Pada 9 Jun, Amirudin mengumumkan Pakej Bantuan Kita Selangor 2.0 bernilai RM551.56 juta yang menasaskan golongan berpendapatan rendah, usahawan, pelajar dan penggiat pelancongan.

**MALAYSIA PRIHATIN**

**KDEB WASTE MANAGEMENT**

## SELAMAT HARI KEBANGSAAN

Hanya dengan keazaman bersama dapat kita mengekalkan kemerdekaan yang kita kecapi selama ini.  
Selamat Hari Kebangsaan kepada semua rakyat Malaysia.

**"Bersama-sama Kita Memelihara Kebersihan Selangor"**

f KDEB Waste Management    t kdebwaste    t KDEBWaste    v KDEB Waste Management



**K**uala Lumpur asalnya ibu negeri Selangor, sebelum Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj berkorban menyerahkan wilayah strategik itu sebagai ibu negara Malaysia pada 1974.

Kerajaan persekutuan waktu itu berjanji tidak memadam sejarah asal Selangor termasuk nama jalan dan binaan penting warisan negeri bagi mengenang jasa Baginda.

Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah nama-nama jalan itu harus dipelihara dan dipelihara apabila Jalan Raja Laut 1 cuba ditukar nama kepada Jalan Palestin tahun lepas.

Hakikatnya Sultan Sir Alaeddin Sulaiman Shah sudah bertitah agar nama-nama jalan di bandar besar itu ditukar kepada bahasa Melayu. Sejumlah nama dicadangkan untuk diluluskan pada 1938.

Wartawan **NADIAH ZAMLUS** bersama jurufoto **HAFIZ OTHMAN** dan **FIKRI YUSOF** mengimbas kembali ketokohan, sumbangan dan peristiwa di balik nama-nama jalan tersebut bersempena sambutan Hari Kebangsaan tahun ini.

### 7 Jalan Sultan Abdul Samad

- Sultan Abdul Samad, sultan Selangor keempat (1857-1898)
- pada 1880, Baginda isytihar Kuala Lumpur, sebelumnya Klang, sebagai ibu negeri Selangor
- Kuala Lumpur waktu itu lebih kurang sebesar kawasan Chow Kit atau Raja Bot ke Kampung Attap di selatan
- pada zaman pemerintahan Baginda, bendera dan jata negeri diperkenalkan
- Baginda membina landasan kereta api menghubungkan Kuala Lumpur dan Klang pada 1890
- selain Bangunan Sultan Abdul Samad, nama baginda diabadikan di sekolah dan perpustakaan




### 2 Jalan Sultan Sulaiman

- sempena nama Sultan Sir Alaeddin Sulaiman Shah, sultan Selangor kelima (1898-1938)
- putera Raja Muda Musa, Baginda cucunda Sultan Abdul Samad
- mula gubal Undang-undang Tubuh Negeri Selangor untuk selesai isu pewarisan takhta, namun mangkat sebelum ia berjaya dilaksanakan
- pernah usul penubuhan pasukan tentera udara dalam Persidangan Raja-Raja Melayu
- dikenali kuat beragama, Baginda mengarang kitab agama dan membaca khutbah
- jalan raya, landasan kereta api dan rumah kedai banyak dibina di Kuala Lumpur, negeri maju daripada hasil bumi seperti bijih timah dan arang batu

### 3 Jalan Sultan Hisamuddin

- Sultan Sir Hisamuddin Alam Shah Alhaj, sultan Selangor keenam (1938-1942 dan 1945-1960)
- ketika kependudukan Jepun, Baginda diganti kekandanya Tengku Musauddin sehingga 1945
- Baginda dimasyhurkan kembali selepas Jepun kalah
- tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu pada 1948, termasuk Selangor sebagai sebuah negeri anggotanya
- mangkat empat bulan selepas dilantik Yang di-Pertuan Agong kedua pada 1960

# Jejak berliku



Contoh sebatang jalan di Kuala Lumpur pada 1880-an



### 5 Jalan Sultan Salahuddin

- Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, sultan Selangor kelapan (1960-2001)
- ditabalkan Yang di-Pertuan Agong ke-11 pada 1999
- nama Baginda juga harum pada masjid negeri, lapangan terbang dan bangunan pusat pentadbiran negeri

### 6 Jalan Raja Muda Abdul Aziz

- Tengku Abdul Aziz Shah, Raja Muda Selangor pada 1950
- ditabal sebagai sultan Selangor kelapan pada 1960
- dikenali dengan nama lain sebelumnya, laluan utama di Kampung Baru ini kemudian diubah kepada Jalan Raja Muda sebelum dikenali nama sekarang

### 7 Jalan Raja Laut

- sempena pembesar Selangor, putera kedua Sultan Muhammad Shah, sultan Selangor ketiga
- digelar 'Laut' kerana diputerakan di perairan Lukut, Negeri Sembilan pada 1850
- ahli Majlis Negeri Selangor, bertindak sebagai hakim dan penghulu di Kuala Lumpur
- ketua masyarakat Melayu di Kuala Lumpur pada 1880-an yang banyak selesaikan masalah setempat
- tubuhkan Sekolah Melayu pertama di Kuala Lumpur

### 8 Jalan Raja Mahmud

- Raja Mahmud, juga putera Sultan Muhammad Shah, sultan Selangor ketiga
- ahli jawatankuasa Lembaga Pentadbiran Petempatan Pertanian Melayu (MAS) Kampung Baru
- nama diabadikan sebagai penghargaan jasanya dalam MAS
- terlibat dalam perang membantu Raja Mahadi

### 9 Jalan Raja Abdullah

- sempena nama Raja Abdullah Raja Ja'afar, adinda Raja Jumaat iaitu pemerintah Lukut, kini di Negeri Sembilan
- Raja Jumaat berkahwin Tengku Senai, puteri Sultan Muhammad Shah, sultan Selangor ketiga pada 1849
- berkahwin dengan anak saudara Sultan, Raja Abdullah terima watikah sebagai pentadbir Lembah Kelang daripada Sultan Muhammad Shah pada 1853
- beliau menarik etnik Cina dan Melayu untuk berniaga dan terlibat dalam perlombangan timah di sekitar Ampang

### 10 Jalan Raja Bot

- Raja Bot Raja Jumaat, pemerintah terakhir Kota Lukut sebelum diserahkan kepada daerah Sungai Ujong pada 1880
- berhijrah ke Kuala Lumpur pada 1882, teruskan aktiviti perlombongan bijih timah di Kuala Lumpur
- dilantik penghulu Sungai Buloh pada 1887
- jalan ini dalam kawasan di pinggir Petempatan Pertanian Melayu (MAS) Kampung Baru

### 4 Jalan Raja Muda Musa

- sempena nama Raja Muda Musa, sultan Selangor ketujuh bergelar Sultan Musa Ghiathuddin Riayat Shah (1942-1945)
- putera sulung Sultan Sir Alaeddin, Baginda banyak bantu kaum kerabat yang bermasalah ketika penaklukan Jepun
- sebelum ditabal sebagai sultan, Baginda dilantik presiden Lembaga Pentadbiran Penempatan Pertanian Melayu (Malay Agriculture Settlement atau MAS) di Kampung Baru
- Penempatan Pertanian Melayu diwartakan pada 1900



### 11 Jalan Raja Mahadi

- putera Raja Sulaiman, atau cucunda sultan ketiga Sultan Muhammad Shah, yang menguasai Klang
- tidak puas hati Raja Abdullah dilantik menguasai Klang setelah ayahandanya meninggal dunia
- pada 1866, dalam Perang Klang I, Raja Mahadi tewaskan Raja Abdullah
- pada 1870, putera Raja Abdullah yang bergabung dengan Tengku Kudin, menantu Sultan Abdul Samad, tewaskan Raja Mahadi dalam Perang Klang II
- Raja Laut dan Raja Mahmud bergabung dengan Raja Mahadi tewaskan orang Tengku Kudin dan Yap Ah Loy di seluruh Selangor termasuk Kuala Lumpur pada 1872
- pada 1874, susulan perang yang berlarutan, kuasa Inggeris ambil kesempatan untuk campur tangan politik di Selangor
- Frank Swettenham menjadi penasihat pertama kepada Sultan Abdul Samad

### 12 Jalan Raja Uda

- sempena nama Raja Tun Uda Al-Haj Raja Mohamad, menteri besar Selangor kedua dan keempat (1949-1953 dan 1954-1955)
- berkahwin dengan Tengku Badariah Sultan Alaeddin Sulaiman Shah, kekanda Sultan Hisamuddin
- dilantik setiausaha kepada Residen British di Selangor pada 1939, lantikan pertama dalam kalangan orang Melayu
- dilantik gabenor Pulau Pinang pada 1957 selepas menjadi speaker Majlis Persekutuan pada 1955
- selain jalan, namanya diabadikan pada perpustakaan utama di Selangor dan juga pangkalan feri di Pulau Pinang

### 13 Jalan Raja Alang

- asalnya untuk Datuk Raja Mohamed, ahli Dewan Diraja Selangor pada 1950-an
- namun beliau abadikan nama bapanya Raja Alang Raja Berayun, orang kaya Melayu pada 1880-an. Raja Berayun dilantik Tengku Panglima Garang sewaktu pemerintahan Sultan Abdul Samad
- Raja Mohamed diberi penghormatan demikian atas jasanya memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu

### 14 Jalan Raja Ali

- dinamakan sempena Raja Ali Raja Jaafar, ahli Lembaga Pentadbiran Petempatan Pertanian Melayu (MAS) Kampung Baru
- penghulu mukim Batu pada 1897 hingga 1927

#### Rujukan

Kuala Lumpur Street Names: A Guide to Their Meanings & Histories (2015) oleh Mariana Isa dan Manganjeet Kaur  
 Sejarah Kampung Baharu: Di Sini Awal Segalanya Bermula (2005) oleh Suleiman Mohamad dan Lokman Haji Mohd Zen  
 Sejarah Selangor (1981) oleh Haji Buyong Adil



# EVOLUSI JATA NEGARA

**J**ata Negara antara identiti Malaysia selain bendera Jalur Gemilang dan lagu Negaraku. Diperkenan dan diwartakan Raja-Raja Melayu pada 30 Mei 1952, Jata Negara mengalami beberapa perubahan dari segi cogan, lambang dan logo. Sebanyak enam kali Jata Negara diubah meliputi penukaran

warna, logo dan imej dua harimau berikutan beberapa peristiwa penting.

Sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-64, AFIX REDZUAN menyusun maklumat Jata Negara yang menjadi lambang kebanggaan Malaysia.

## BINTANG PECAH 14

Gabungan 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan

## ANAK BULAN DAN BINTANG

Bintang bersama bulan sabit melambangkan Islam agama rasmi

Lambang mahkota digunakan pada jata 1929 sebelum ditukar pada 1948

## DUA HARIMAU DI KIRI DAN KANAN

Simbol keberanian, kegagahan dan kekuatan

Lambang harimau yang lebih realistik digunakan pada 1975 supaya tampak lebih garang berbanding sedikit gelap pada jata 1965

Nama harimau itu adalah Harimau Malaya

## LOGO PULAU PINANG (kiri)

Simbol pokok pinang dan jambatan Pulau Pinang mewakili negeri berkenaan

Asalnya lambang berbentuk Princess of Wales Feathers pada 1948

## EMPAT JALUR (tengah)

Empat jalur warna mewakili empat Negeri Melayu Bersekutu (Selangor, Pahang, Perak dan Negeri Sembilan)



## LOGO SABAH (bawah, kiri)

Lambang sepasang tangan memegang bendera di bahagian atas bersama lambang Gunung Kinabalu mewakili negeri itu

## WARNA KUNING DAN SLOGAN

Warna kuning pada awan-awan adalah warna diraja bagi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja

Cogan 'Bersekutu Bertambah Mutu' ditulis dalam rumi dan jawi di sebelah kanan

Cogan 'Dipelihara Allah' dalam tulisan jawi digunakan jata awal pada 1895

Cogan 'Dipelihara Allah' ditukar kepada 'Bersekutu Bertambah Mutu' bertulisan Jawi serta 'Unity is Strength' dalam bahasa Inggeris pada 1948

## LIMA BILAH KERIS

Mewakili Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu)

## LOGO MELAKA (kanan)

Simbol pokok Melaka mewakili negeri tersebut

Asalnya menggunakan lambang berbentuk A Famosa pada 1948

## LOGO SARAWAK (bawah, kanan)

Lambang Burung Kenyalang mewakili negeri itu

Lambang asal jalur warna hitam dan merah berlatar belakang kuning sebelum ditukar kepada jalur merah dan putih serta segi tiga biru di atasnya pada 1975

Perubahan kedua dibuat pada 31 Ogos 1988 kerana dikatakan mirip bendera Czechoslovakia

## BUNGA RAYA (bawah, tengah)

Bunga raya yang terletak di tengah bucu perisai mewakili Bunga Kebangsaan

Asalnya lambang Singapura sebelum ia keluar daripada Malaysia pada 1963

Tunku Abdul Rahman isytihar bunga kebangsaan pada 28 Julai 1960, bilangan kelopaknya sesuai dengan lima prinsip Rukun Negara



Golongan B40 disaran mendaftar

# Peserta Peduli Sihat layak dapat RM6,000

Oleh SHEEDA FATHIL

**SHAH ALAM** - Semua pemegang kad Peduli Sihat yang dijangkiti Covid-19 boleh menuntut insurans sehingga RM6,000, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata waris juga boleh membuat tuntutan sama jika ahli keluarga yang mendaftar menerusi program itu meninggal dunia akibat wabak.

"Saya ingin maklumkan sebenarnya pemegang kad Peduli Sihat yang dijangkiti Covid-19 dan meninggal dunia, waris mereka boleh menuntut insurans sedia ada ini sehingga RM6,000.

"Kita anggarkan ada 60,000 pemegang kad Peduli Sihat dan sehingga semalam (18 Ogos) ada kira-kira 4,000 orang meninggal dunia, cuma kita tidak pasti mereka ini pemegang kad atau sebaliknya," katanya pada 19 Ogos.

Rakyat Selangor khususnya golongan

berpendapatan rendah (B40) disaran mendaftar Skim Insurans Peduli Sihat bagi mendapatkan rawatan asas secara percuma.

Pada 1 April tahun lalu, Kerajaan Negeri mengumumkan skim tersebut turut memberi perlindungan kesihatan seperti berikut:

- Bantuan pengebumian
- Perlindungan kemalangan diri
- Perlindungan penyakit kritikal
- Insuran nyawa / hayat

## Waris bukan Islam boleh mohon RM1,000

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri menyalur bantuan sekali bayar RM1,000 kepada waris mangsa Covid-19 bukan Islam bagi penguurusan mayat.

EXCO Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Selangor (Limas) V Ganabatirau berkata sumbangan itu bertujuan meringankan beban waris yang menanggung

kos pengebumian.

"Kita sedia maklum penguurusan mayat bagi masyarakat bukan Islam menelan kos perbelanjaan yang tinggi kerana majoriti dilaksanakan oleh syarikat swasta.

"Bayaran ini ditawarkan kepada waris yang mana ahli keluarga mereka meninggal dunia mulai kelmarin (17 Ogos) sehingga

30 November. Namun, ia tertakluk kepada perubahan dan sehingga peruntukan RM500,000 yang diberi Kerajaan Negeri habis diguna," katanya pada 20 Ogos.

Ganabatirau berkata antara syarat permohonan ialah pengundi Selangor, mangsa anak jati atau bermastautin lebih 10 tahun dan kematian akibat Covid-19.

## Jenazah tidak perlu dimandi jika berisiko

**SHAH ALAM** - Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor memutuskan jenazah pesakit Covid-19 tidak perlu dimandi dan ditayamum jika ada risiko jangkitan.

Mufti Datuk Dr Anhar Ophir berkata fatwa baharu pengurusan jenazah Covid-19 di negeri ini mendapat perkenan Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada 7 Ogos.

"Sekiranya terdapat kebimbangan memandikan atau tayamum membawa kepada penyebaran penyakit, maka gugur kewajipan (memandi atau tayamum) ke atas jenazah.

"Sebaliknya, jenazah terus sahaja dikafankan, disembahyang dan dikebumi," katanya pada 18 Ogos seperti dilapor Sinar Harian.

Pada 2 Ogos, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengumumkan tiada bayaran dikenakan kepada keluarga atau waris bagi setiap pengurusan jenazah pesakit Covid-19.

Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan Ahmad berkata bayaran hanya dikenakan pihak pengurusan tanah perkuburan termasuk kos membuat keranda jika perlu.

Rumah selangorku



PNB  
VALUE HOMES

Rumah Teres | Berkembar | Rumah Sesebuah

Anda impikan kediaman milik sendiri.

## TUNGGU APA LAGI?

Kediaman milik sendiri pertama merupakan permulaan legasi ekonomi anda yang boleh diperturunkan kepada yang tersayang. Lebih menarik lagi, ia sekaligus mempertingkatkan status ekonomi anda di masa hadapan, kerana ia dibina oleh pemaju di bawah naungan Permodalan Nasional Berhad yang menerajui pemaju-pemaju hartanah terkemuka di Malaysia seperti Sime Darby Property dan S P Setia. Kualiti terjamin, bijak membeli, bahagia menanti. Tunggu apa lagi?

Daftar sekarang untuk memiliki sebuah kediaman PNB ValueHomes. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnbvh.com](http://www.pnbvh.com) atau [lphs.selangor.gov.my](mailto:lphs.selangor.gov.my) atau hubungi **06-790 9988**

Kini di Banting!  
Daftar sekarang.

Harga  
daripada **RM180,000**



PNB ValueHomes



[pnb.valuehomes](https://www.instagram.com/pnb.valuehomes)

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Dibangunkan oleh:

**PNB**  
Development

Galeri Jualan Kota Seriemas  
No. A8 ke A10, d'Streetmall, Pusat Komersial  
Seriemas, Persiaran Seriemas Dua, Kota  
Seriemas, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

• PNB Development Sdn Berhad, No. 1 Persiaran Impian Perdana, Saujana Impian, 43000 Kajang, Selangor • No. Permit Jualan: 19505-2/12-2022/0862 (P) • Tarikh Sah: 24/12/2020 - 23/12/2022 • No. Lesen Pemaju: 19505-2/12-2022/0862 (L) • Tarikh Sah: 24/12/2020 - 23/12/2022 • Pihak Berkuasa yang meluluskan pelan bangunan: Majlis Perbandaran Kuala Langat • No. Ruj Pelan Bangunan: MDKL/JKB/4/4/1290 • Tarikh Jangka Slap: Disember 2022 • Bebanan Tanah: Tiada • Status Tanah: Pegangan Bebas • Rumah Teres 1 Tingkat • Saiz Tanah: 20'x70' • Bilangan Unit: 326 unit • Harga Jualan: RM180,000 - RM246,032 • Rumah Berkembar 1 Tingkat • Saiz Tanah: 35'x70' • Bilangan Unit: 312 unit • Harga Jualan: RM220,000 - RM272,828 • Rumah Sesebuah 1 Tingkat • Saiz Tanah: 55'x70' • Bilangan Unit: 6 unit • Harga Jualan: RM250,000 - RM265,160 • **Rumah Diperuntukkan Kepada Rumah Selangorku (RSKU): 156 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, 152 Unit Rumah Berkembar 1 Tingkat, 3 Unit Rumah Sesebuah 1 Tingkat**



# Singkapan merdeka

**P**elbagai peristiwa penting lagi unik berlaku sepanjang proses menjelang kemerdekaan tanah air. Namun, sebahagian detik perjalanan sejarah itu termasuk peranan individu dan lokasi tertentu kian tenggelam dalam peredaran zaman. Bagi menghidupkan sambutan ulang tahun ke-64 di tengah-tengah kemelut Covid-19, **Nazli Ibrahim** menyingkap beberapa fakta menarik.

## Keris Sapukal

- Dijulang Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj ketika melaungkan kemerdekaan pada 20 Februari 1956 di Padang Bandar Hilir atau dikenali Padang Pahlawan
  - Sapukal bermaksud keris yang lurus bilahnya berdasarkan takrifan Dewan Bahasa dan Pustaka
    - Mengikuti pengkaji

keris Profesor Mua'ti @ Zamri Ahmad kepada Selangorkini, keris ini dihadiahkan Kaum Ibu Melaka, kini dikenali sebagai Wanita Umno

- Penulis buku Keris Indah-Koleksi Diraja Keris Nusantara Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj itu percaya keris yang dijulang itu dalam kategori Bugis berdasarkan pangkalnya agak lebar, bilahnya lurus dan 'tegap'

## Kibaran bendera

- Tiga anggota Tentera Laut Diraja Malaysia menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu dalam upacara Pemasyhuran Kemerdekaan di Stadium Merdeka
  - Mereka ialah Bintara Kanan Awang Salleh, Laskar Kelas I Mohd Sharif Kalam dan Laskar Kanan Oliver Cuthbert Samuel
- Awang berperanan sebagai penyelia, Oliver memegang tali manakala Mohd Sharif memegang bendera untuk dinaikkan
- Mereka berlatih selama empat hari di Depoh Latihan Polis (kini Pusat Latihan Polis) Jalan Semarak, Kuala Lumpur
- Reka bentuknya dihasilkan arkitek Jabatan Kerja Raya Johor Mohamed

Hamzah yang menang pertandingan anjuran Majlis Raja-Raja dengan kerjasama Majlis Perundangan Persekutuan pada 29 November 1949

- Pertama kali dikibar di perkarangan Istana Sultan Selangor pada 26 Mei 1950
- Dipinda beberapa kali. Warna bulan sabit dan bintang yang asalnya putih ditukar kepada kuning, simbol warna diraja. 11 jalur melintang merah putih pula ditambah kepada 14 susulan Sabah, Sarawak dan Singapura menyertai Malaysia pada 16 September 1963
- Dinamakan Jalur Gemilang mulai 31 Ogos 1997 susulan kejayaan pelayaran Datuk Azhar Mansur mengelilingi dunia

## Lagu Negaraku

- Berkumandang pertama kali dalam upacara pengisytiharan kemerdekaan pada tengah malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor
- Dicipta pada 1957. Pemilihan dibuat Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj
- Iramanya dipetik daripada lagu negeri Perak yang berasaskan lagu *Terang Bulan*

## Padang sejarah

- Padang Kelab Selangor menjadi lokasi pertama bendera Union Jack diturunkan tanda berakhirnya penjajahan British pada 30 Ogos 1957
- Tunku Abdul Rahman tiba di padang ini pada jam 11.58 malam menaiki kereta dengan iringan 30 motosikal
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan Tahir Abdul Majid
- Keesokannya pengisytiharan kemerdekaan dilangsungkan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur

## Dokumen di bilik kebal

- Berukuran 51cm x 74cm, watikah Pemasyhuran Kemerdekaan diperbuat daripada kulit kambing supaya tahan lama
- Ditulis individu dari Kelantan dalam bahasa Inggeris dan Melayu bertulisan Jawi
- Dibaca Tunku Abdul Rahman sebelum melaungkan kemerdekaan tujuh kali
- Disimpan dalam bilik kebal Arkib Negara berikutan ia adalah sijil kelahiran Persekutuan Tanah Melayu



Capai sasaran lebih 100 peratus penduduk dewasa

# Suntikan diperluas ke negeri lain

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

**SHAH ALAM** - Program Vaksin Selangor (Selvax) akan diperluas ke negeri lain selepas sasaran suntikan melebihi 100 peratus penduduk dewasa di Selangor dan Lembah Klang.

Mengikut kenyataan Selvax, program Kerajaan Selangor itu akan memberi tumpuan pemberian vaksin kepada penduduk negeri lain yang kadar suntikannya rendah.

"Selaras hasrat Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bagi mencapai imuniti kelompok, program Selvax akan me-

luaskan liputan program vaksinasi swasta ini ke negeri-negeri di luar Lembah Klang.

"Bagaimanapun, program Selvax masih beroperasi seperti biasa kepada mereka yang masih mempunyai janji temu pemberian vaksin melalui rangkaian klinik panel Selcare dan di tapak," katanya pada 21 Ogos.

Selvax juga memaklumkan Program Outreach Selvax Komuniti akan dibuat menerusi bas bergerak bagi memudahkan proses vaksinasi bagi kumpulan tercicir serta penduduk luar bandar.

Pada Jun, Kerajaan Selangor melancarkan Selvax bagi melengkapkan dan mem-

percepat proses suntikan pelalian rakyat.

Usaha melibatkan kos RM200 juta dengan menyasarkan golongan berpendapatan rendah, warga emas serta pekerja industri itu terangkum dalam kerangka Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan.

Berikut fokus program Selvax di fasa seterusnya:

- Teruskan program vaksinasi swasta Selvax menerusi klinik panel Selcare
- Jual dan edar stok vaksin kepada klinik, hospital dan farmasi swasta (vax@selcare.com atau 1800-22-6600)
- Gerakkan Selvax Komuniti tumpu kumpulan tercicir dan luar bandar

## Pesakit Covid-19 masuk hospital kurang

**SHAH ALAM** - Kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital di Selangor menurun berdasarkan penggunaan katil yang berkurangan 20 peratus antara 1 hingga 17 Ogos.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor berkata penggunaan 7,780 katil bagi

berdepan penularan wabak itu menunjukkan 81 peratus digunakan berbanding 101 peratus pada 1 Ogos.

Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU) juga berkurangan kepada 90 hingga 100 peratus

berbanding sebelum ini melebihi kapasiti.

"Dua minggu ini kita lihat keadaannya semakin baik, (kemasukan) golongan berusia 60 tahun ke atas semakin berkurangan di ICU selepas kumpulan itu menerima vaksin," katanya pada 19 Ogos.

## 100,000 dos tumpu kelompok tercicir

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri menyediakan 100,000 dos khusus untuk pemberian vaksin secara bergerak kepada golongan yang belum mendaftar atau tercicir.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha bagi melengkapkan imuniti kelompok juga tertumpu ke lokasi memerlukan termasuk kalangan warga asing.

"Tujuan untuk kita vaksinasi mereka supaya tiada risiko tinggi seperti kemasukan ke hospital atau dijangkiti sehingga kategori empat atau lima yang memerlukan bantuan pernafasan.

"Hasil pembelian 100,000 dos vaksin ini akan melengkapkan vaksinasi masyarakat negeri ini secara keseluruhan dalam tempoh dua bulan," katanya pada 19 Ogos.

Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kesihatan Negeri Selangor memulakan Program Outreach Vaksinasi Covid-19 di rumah jagaan warga emas dan golongan kelainan upaya.

Program mulai 8 Jun membabitkan 16 pasukan bergerak bagi memastikan kedua-dua golongan tersebut menerima vaksin sekali gus mencapai imuniti kelompok.

**MALAYSIA**  
SELAMAT HARI KEMERDEKAAN



**Demi menyahut seruan Kerajaan untuk mencapai Imuniti Kelompok, kami telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu memberi perkhidmatan vaksin untuk pekerja-pekerja industri dan di peringkat komuniti.**

**Jutaan terima kasih kepada frontliner Covid-19 kerana rela berkorban masa dan tenaga demi nyawa rakyat Malaysia.**



**Kami di Selgate mengucapkan Selamat Hari Kemerdekaan kepada seluruh rakyat Malaysia.**

**#ProaktifPrihatin**

Muat turun aplikasi SELCARE sekarang



Selcare.com  
1800-22-6600





## Sukarelawan negeri dapat skim insurans

**SHAH ALAM** - Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor (SUKA) ditubuh bagi menjalankan aktiviti kesihatan awam peringkat masyarakat khususnya berkaitan pandemik Covid-19.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan sukarelawan terpilih bakal dilatih menggunakan modul bertema Covid-19 secara berkala sebelum digerakkan ke seluruh 56 Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Kemahiran seperti pengurusan pesakit, ujian Covid-19 di rumah, penggunaan kit penilaian rumah menerusi SELangkah serta pelbagai lagi akan diajar secara profesional.

"Menerusi SUKA, sifat kesukarelawan dapat dibudayakan dalam masyarakat," katanya pada 18 Ogos.

Menerusi perkongsian infografik, Amirudin memaklumkan 1,000 individu awal yang mendaftar akan menerima manfaat Skim Insurans Peduli Sihat (SIPS), kit sukarelawan dan latihan berkala secara percuma.

Beliau berkata sebarang pertanyaan lanjut boleh e-mel kepada sukakomuniti2021@gmail.com atau layari www.sukasociety.org

## Bentuk imunisasi kelompok

# 75 peratus warga UIAM terima vaksin

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

**GOMBAK** - Sebanyak 75 peratus daripada 31,500 penuntut dan kakitangan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menerima suntikan vaksin setakat 18 Ogos.

Pengarah pusat pemberian vaksin (PPV) UIAM berkata jumlah itu membabitkan dos pertama dan kedua menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) serta Vaksin Selangor (Selvax) Komuniti.

"Dengan perkembangan ini, kita percaya sasaran 85 peratus pelajar dan kakitangan menerima vaksin mampu dicapai menjelang semester baharu yang

bakal dibuka pada Oktober depan.

"Ia penting bagi memudahkan sesi pembelajaran walaupun kita mempunyai banyak pilihan dan tidak semestinya dibuat secara fizikal semata-mata," kata Dr Muhammad Faris Abdullah.

Beliau turut menghargai peluang Kerajaan Negeri untuk bekerjasama dalam program tersebut bagi meningkatkan kadar suntikan kepada warga UIAM.

"Sebelum ini, kita cuba menubuhkan PPV tetapi akhirnya dapat peluang dengan Kerajaan Negeri. Kita akan berusaha sebaik mungkin untuk pastikan pelajar dan kakitangan divaksin segera," katanya.

Mahasiswa Abdul Qayyum Fadzlin, 20, yang menerima suntikan dos pertama menyifatkan kewujudan PPV itu

memudahkannya yang tiada kenderaan untuk ke PPV di luar kampus.

"Saya tidak perlu bersusah payah keluar, hanya berjalan dari asrama yang mengambil masa kurang 15 minit untuk sampai malah prosesnya cukup mudah dan pantas," katanya.

Hafizzurahman Abu Baqr Hudri, 20, pula menyambut baik pelaksanaan program tersebut bagi mewujudkan imuniti kelompok dalam kalangan pelajar dan kakitangan.

"Memandangkan sebelum ini ada beberapa kes Covid-19 di kampus, jadi penting untuk membina imuniti kelompok melalui program seperti ini supaya kesihatan dan keselamatan pelajar lebih terjamin," katanya.



**MALAYSIA PRIHATIN**

Majlis Perbandaran Selayang

# SELAMAT HARI KEBANGSAAN 2021

Hanya dengan keazaman bersama dapat kita mengekalkan kemerdekaan yang kita kecapi selama ini.  
Selamat Hari Kebangsaan kepada semua rakyat Malaysia.

*Ikhtis Daripada*  
Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua,  
Ahli Majlis dan Warga Perbandaran Selayang



Telan belanja hingga RM350 juta

# Stadium Shah Alam berwajah baharu

Oleh AMIN RIDUZAN ISHAK

**SHAH ALAM** - Stadium Shah Alam yang berusia lebih 20 tahun bakal berwajah baharu menerusi kerja naik taraf keseluruhan kompleks itu bermula tahun depan.

Dato' Menteri Besar berkata proses itu termasuk dalam cadangan pembangunan semula kawasan sekitarnya yang diusahakan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, kos

baik pulih stadium yang dibuka pada 1994 dijangka menelan belanja hingga RM350 juta berdasarkan penilaian Jabatan Kerja Raya.

"Stadium mula terjejas apabila ada banjir besar pada 2006 menyebabkan kerosakan sistem di bawahnya, penyelenggaraannya juga tinggi mengakibatkan kita rugi RM5 juta, malah pernah RM8 juta.

"Selepas beberapa tahun buat pembetulan kecil-kecilan, sudah tiba masanya kita buat naik taraf sepenuhnya," katanya pada 21 Ogos.

Stadium Shah Alam yang mampu menampung 80,000 penonton tidak dapat digunakan buat masa sekarang akibat kerosakan struktur bumbung.

Pada Belanjawan 2021 Oktober tahun lalu, Amirudin mencadangkan projek pembangunan Bandar Belia dan Sukan dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM8 bilion di sekitar stadium itu.

Beliau berkata kerjasama strategik dengan swasta itu berkonsep perkotaan hijau berpaksi kelestarian alam dan bandar pintar.

## 8,000 minit sertai RiDE setakat Ogos

**GOMBAK** - Lebih 8,000 permohonan program Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) direkod sejak pendaftaran dibuka awal tahun ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan proses semakin dibuat segera bagi mencari peserta yang layak dan mematuhi

beberapa kriteria antaranya berusia 40 tahun ke bawah.

"Mereka akan menerima bantuan kewangan berjumlah RM500 kerana ramai sudah memiliki lesen motosikal," katanya sambil menambah program tersebut akan ditambah baik berikutan industri

e-dagang semakin mendapat permintaan dalam kalangan belia.

Belanjawan Selangor 2021 mepertanggungjawab RM2 juta untuk program tersebut dengan sasaran 3,000 peserta.

Permohonan boleh dibuat melalui [msnselangor.gov.my](http://msnselangor.gov.my)

## Penghantar makanan raih lebih RM3,000

**GOMBAK** - Keputusan seorang pemuda menukar kerjaya dari pelayan restoran kepada penghantar makanan sepenuh masa tidak sia-sia apabila mampu meraih pendapatan lebih RM3,000 sebulan.

Anwar Faidhi, 28, yang menyertai syarikat e-panggilan Grab Food sejak tahun lalu lega pulangan yang diperoleh setimpal penat lelahnya berbanding pekerjaan sebelum ini.

"Penat tetapi saya seronok sebab boleh tentukan tentukan jadual sendiri, jadi bila-bila masa sahaja boleh 'kayuh' (tanggung motosikal)," katanya pada 21 Ogos.

Anwar antara 50 peserta Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) menerima bantuan RM500 di Dewan Rakyat Batu Caves di sini.

## Pemuzik jalanan jana pendapatan

**PETALING JAYA** - Projek Kita Buskers Selangor bakal diperluas ke beberapa lokasi termasuk pusat beli-belah dan pejabat awam, kata EXCO kebudayaan dan warisan.

Borhan Aman Shah berkata pendekatan itu dijangka membantu pemuzik jalanan atau busker menjana pendapatan sepanjang pandemik.

"Konsepnya sama seperti di pusat pemberian vaksin (PPV) antaranya dua sesi setiap PPV melibatkan dua busker," kata beliau pada 21 Ogos.



Marilah bersama berganding bahu mengeratkan ikatan perpaduan menuju **KLANG** dan **MALAYSIA** yang **sejahtera**.

Selamat Menyambut  
**HARI KEBANGSAAN**  
DAN  
**HARI MALAYSIA 2021**



YANG DIPERTUA,  
TIMBALAN YANG DIPERTUA,  
AHLI-AHLI MAJLIS  
dan SELURUH WARGA MAJLIS PERBANDARAN KLANG

[www.mpklang.gov.my](http://www.mpklang.gov.my)



Majlis Perbandaran Klang



MPKcare



mpkcare

**LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA**



## Guru dapat RM500, tahfiz RM1,500

**KLANG** - Seramai 1,000 guru tahfiz bakal menerima sumbangan RM500 setiap seorang dan 250 tahfiz masing-masing mendapat RM1,500 daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi meringankan beban akibat pandemik Covid-19.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS Saipolyazan M Yusop berkata bantuan itu akan diberi dalam masa terdekat menerusi 19 inisiatif bantuan di bawah Zakat Selangor Peduli untuk membantu institusi agama di negeri ini.

"Bantuan ini sebagai permulaan, kita akan lihat keperluan lain yang diperlukan oleh mereka, Insya-Allah dan bantuan ini diberikan secara sekali bayar," katanya pada 18 Ogos.

Terdahulu, Saipolyazan menyerahkan sumbangan 7,000 set pelindung diri (PPE) bernilai RM385,000 kepada Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor Dato' Mohd Shahzihan Ahmad bagi kegunaan petugas pengurusan jenazah Covid-19.

Saipolyazan berkata sumbangan tersebut adalah untuk memastikan pengurusan jenazah dapat dilaksanakan mengikut tatacara operasi piawai (SOP) yang ditetapkan dan sekali gus menyempurnakan tuntutan fardu kifayah. - BERNAMA

## Cungkil potensi pelbagai sektor

# Menang bakat belia dapat RM100,000

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**SHAH ALAM** - Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor menganjurkan pertandingan Selangor Youth Skills (SYS) 2021 bagi mencungkil bakat dan idea inovasi belia dalam pelbagai sektor.

EXCO pembangunan generasi muda berkata pertandingan dalam talian selama lima hari bermula 22 September menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM100,000.

Mohd Khairuddin Othman memaklumkan sebanyak 500 penyertaan diterima se-

takat ini dari seluruh Malaysia sejak dibuka pada 1 Ogos lalu.

"Pertandingan ini dianjurkan dengan penyertaan belia di Selangor dan luar untuk diangkat bakat masing-masing ke peringkat lebih tinggi.

"Kita juga mahu memberi fokus kepada inovasi teknologi sukan selain membuka ruang kepada mereka mempamerkan bakat dalam pelbagai sektor terutama sukan," katanya pada 20 Ogos.

Sepuluh sektor kemahiran dipertandingkan iaitu filem dan video pendek, teknologi seni bina, hackathon, gubahan lagu, pembuatan

perabot, teknologi grafik, ciptaan animasi, teknologi fesyen serta pemasaran sosial media.

Bagi filem dan video pendek, teknologi seni bina, hackathon dan ciptaan animasi secara berkumpulan, pemenang membara pulang wang tunai RM6,000, RM4,000 (kedua) serta ketiga (RM2,000)

Untuk gubahan lagu, pembuatan perabot, teknologi grafik, teknologi fesyen, reka bentuk terrarium design dan pemasaran sosial media secara individu, pemenang pertama menerima RM5,000 diikuti RM3,000 (kedua) serta RM1,000 (ketiga).

## Hab inovasi tambah baik sains sukan

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri bakal mewujudkan Hab Inovasi Sukan Selangor dalam masa terdekat bagi menambah baik program sains sukan sedia ada.

EXCO Sukan Mohd Khairuddin Othman berkata ia susulan penganjuran

Selangor Youth Skills (SYS) 2021 kenderaan Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor menerusi Unit Inovasi Sukan.

Beliau berkata MSN Selangor akan mencari pelbagai teknologi contohnya daripada segi pakaian, basikal dan kerusi roda paralimpik atau yang ber-

sesuaian untuk diperkenalkan kepada kerajaan Negeri.

"Penubuhan hab ini memberi peluang kepada belia untuk menyumbangkan idea inovasi dalam bidang berkaitan selain menjadi peneraju pada masa hadapan" katanya pada 20 Ogos.









## Kerajaan beli enam juta dos lagi

**SHAH ALAM** - Kerajaan membeli tambahan enam juta dos lagi vaksin Covid-19 yang akan diterima awal September, umum perdana menteri.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata pembelian itu dibuat kerana banyak manfaat diperoleh melalui kejayaan program vaksinasi itu kelak.

"Fakta terkini pada 20 Ogos membuktikan keberkesanan strategi lalu apabila kes harian Labuan menurun secara konsisten kepada satu digit tujuh hari berturut-turut," katanya dalam ucapan pertama sebagai perdana menteri kesembilan pada 22 Ogos.

## 41.6 peratus penduduk lengkap suntikan

**KUALA LUMPUR** - Sebanyak 41.6 peratus populasi keseluruhan di Malaysia atau 13,580,934 individu telah lengkap menerima dua dos suntikan vaksin Covid-19 setakat 24 Ogos, menurut Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV).

Berkongsi maklumat di Twitter, JKJAV turut memaklumkan seramai 18,631,593 individu atau 57.1 peratus sudah menerima dos pertama, menjadikan kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) kini sebanyak 32,212,527 dos.

Peratusan populasi dewasa yang menerima dua dos pula sebanyak 58.0 peratus. - BERNAMA

# Makan di restoran, ke pasar malam

**SHAH ALAM** - Kerajaan membenarkan individu lengkap dua dos menikmati kemudahan makan di restoran, bersukan dan pergi ke pasar malam di negeri fasa satu Pelan Pemulihan Negara (PPN) mulai 20 Ogos.

Perdana Menteri sementara Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan kemudahan tersebut sebagai tambahan kelonggaran yang diperkenalkan pada 16 Ogos di negeri yang lengkap 50 peratus dos kedua.

"Kesemua kemudahan yang saya umumkan hari ini (19 Ogos) akan mula berkuat kuasa pada Jumaat, 20 Ogos. Perincian bagi kemudahan-kemudahan yang baru saya umumkan ini akan dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara

dalam waktu yang terdekat," katanya.

Berikut syarat untuk kemudahan tersebut:

### Makan di restoran

- ▶ Lebih banyak ruang makan di luar premis bagi pengudaraan lebih baik
- Pelanggan perlu tunjukkan sijil digital vaksinasi
- Ibu bapa perlu pastikan anak berusia 17 tahun ke bawah patuhi SOP

### Sukan dan rekreasi

- Hanya acara tanpa sentuhan fizikal bukan berkumpulan
- Joging, senaman, taichi, berbasikal,

papan selaju, memancing, equestrian, memanah, mendaki, tenis (perseorangan), badminton (perseorangan), golf, permotoran dan seumpamanya dibenarkan

- Operasi bilik persalinan, bilik mandi rumah kelab dilarang
- Hanya kawasan terbuka (outdoor) dan separa terbuka mulai jam 6 pagi hingga 10 malam
- Perkelahan, perkhemahan dibenarkan dengan penyertaan anak-anak berusia 17 tahun ke bawah

### Pasar malam dan pasar minggu

- Pastikan pelanggan menunjukkan sijil digital vaksinasi

## Pakatan sedia kukuh kerjasama antara parti

# Tawar 'khemah besar' agenda reformasi

Oleh **SHEEDA FATHIL**



23 Ogos.

**SHAH ALAM** - Semua parti dalam Pakatan Harapan (PAKATAN) berazam untuk memperkukuh kerjasama melalui kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai pengerusi.

Menerusi satu kenyataan, Majlis Presiden berkata gabungan itu sedia untuk berunding dan bekerjasama bawah konsep 'khemah besar' berdasarkan agenda reformasi demi kepentingan rakyat.

"Usaha menggembeleng tenaga tersebut menerusi kaedah 'khemah besar' dalam kalangan ahli pembangkang mesti diberikan keutamaan mengatasi permainan dan percaturan politik kuasa yang diperalat pihak tertentu untuk merebut kuasa dan jawatan yang hanya akan merugikan negara," menurut kenyataan pada

Kenyataan dibuat bersama Presiden Parti Keadilan Rakyat Datuk Seri Anwar Ibrahim, Presiden Amanah Mohamad Sabu dan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng.

PAKATAN juga mahu terus fokus untuk mendapatkan semula mandat rakyat pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Segala persiapan menuju PRU15 akan dipergiat termasuk perbincangan kerusi, manifesto, barisan kepimpinan dan calon, serta strategi untuk memenangi mandat rakyat," katanya.

Namun, kenyataan itu tidak menyentuh tawaran Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkaitan penglibatan pembangkang dalam Majlis Pemulihan Negara dan Jawatankuasa Khas Menangani Covid-19.

## Jangkitan antara terendah

**SHAH ALAM** - Kadar kebolehan jangkitan Covid-19 (Rt) di Selangor pada 20 Ogos berada di bawah paras 1.0 iaitu antara yang terendah dalam negara.

Malah, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang juga berada di Lembah Klang turut merekod kadar Rt di bawah paras 1.0.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata berdasarkan data



terkini pada 20 Ogos, nilai RT Malaysia adalah sebanyak 1.04.

Negeri yang mencatatkan nilai Rt tertinggi adalah Perlis iaitu 1.38 diikuti Sarawak (1.31) dan Sabah (1.23).

Manakala negeri lain pula iaitu Pulau Pinang (1.16), Kelantan (1.14), Perak (1.11), Kedah (1.10), Johor dan Pahang (1.06) serta Melaka dan Terengganu (1.05).



### KENYATAAN SEBUT HARGA

Media Selangor Sdn Bhd (MSSB) mempelawa pemohon yang berkelayakan untuk mengambil bahagian dalam proses Pelawaan Memberi Cadangan (RFP) sebagai Penyedia Servis Percetakan dan Pengedaran Akhbar Selangorkini keluaran Kerajaan Negeri Selangor.

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT-SYARAT TAWARAN	MAKLUMAT TAWARAN	
<b>TAJUK SEBUT HARGA: CADANGAN PENYEDIAAN SERVIS PERCETAKAN DAN PENGEDARAN AKHBAR UNTUK MEDIA SELANGOR SDN BHD</b>  <b>NO SEBUT HARGA: MSSB/JKP/SH/2021/1</b>	1. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	Tempoh Jualan Dokumen	23/08/2021 hingga 30/08/2021
	2. Mempunyai lesen mesin cetak dari Kementerian Dalam Negeri	Tarikh Tutup Sebutharga dalam Talian	03/09/2021 pada jam 12.00 tengah hari
	3. Mempunyai modal berbayar berjumlah sekurang-kurangnya RM100,000 ke atas	Harga Dokumen	RM50.00
	4. Mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan percetakan atau pengedaran akhbar sekurang-kurangnya 1 tahun minimum secara kumulatif		

### PROSES PENYERTAAN SEBUTHARGA SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Penyedia perkhidmatan yang berminat untuk membeli dokumen sebut harga dikehendaki mengisi Borang Pendaftaran Pembelian Tender dan membuat pembayaran secara pindahan bank dalam talian atau Electronic Fund Transfer (EFT). Sila ke laman web [www.selangorkini.my/perolehan](http://www.selangorkini.my/perolehan) untuk maklumat lanjut.

Penyedia perkhidmatan diingatkan bahawa sebarang bayaran pembelian dokumen sebut harga tidak akan dikembalikan kecuali di atas sebab pembatalan oleh pihak MSSB.

Dokumen sebut harga akan diterima oleh pihak penyedia perkhidmatan setelah mendapat pengesahan daripada pihak MSSB. Segala dokumen akan dihantar melalui e-mel yang telah didrafkan di dalam borang pendaftaran.

Dokumen yang telah lengkap hendaklah dihantar secara dalam talian melalui e-mel kepada [perolehan@mediaselangor.com](mailto:perolehan@mediaselangor.com) pada atau sebelum 03/09/2021 jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Jabatan Perolehan Media Selangor  
[perolehan@mediaselangor.com](mailto:perolehan@mediaselangor.com)  
 03-5523 4856



# Hulur lebih 6,000 bakul makanan

**KLANG** - Lebih 6,000 bantuan makanan diagih sepanjang tahun kepada penduduk Pelabuhan Klang yang terjejas akibat wabak Covid-19.

Wakil rakyatnya Azmizam Zaman Huri berkata sumbangan itu hasil kerjasama beberapa badan bukan kerajaan dan syarikat persendirian bagi meringankan



beban penduduk.

"Bantuan berupa makanan kering dan basah bukan hanya tertumpu individu terjejas kewangan sahaja sebaliknya mereka yang dikuarantin akibat pandemik.

"Kita akan terus membantu penduduk terutama yang hilang kerja serta tiada sumber pendapatan

bagi memastikan bekalan makanan tidak putus," katanya pada 19 Ogos.

Pada 9 Jun, Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan bantuan tambahan RM50,000 menerusi program Bakul Makanan bawah Pakej Kita Selangor 2.0 kepada semua Ahli Dewan Negeri.

Pakej bernilai RM551.56 juta meliputi tiga strategi dan 25 program bakal memafaatkan sekurang-kurangnya 1.6 juta rakyat.

Sumbang 5,000 pek bantuan di Kinrara

# Agih 10 tan sayur, lima tan ikan segar

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**SHAH ALAM** - Lebih 5,000 bantuan makanan diagih kepada penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Kinrara sejak Covid-19 melanda negara.

Wakil rakyat Ng Sze Han berkata pihaknya turut menyumbang 10 tan sayuran

dan lima tan ikan segar di beberapa kawasan perumahan bagi meringankan beban mereka.

"Setiap Jumaat dan Ahad, sebanyak 500 bungkusan makanan turut diberi kepada penduduk menerusi projek Dapur Kinrara.

"Kami akan terus menyumbang



terutama kepada mereka yang terjejas," katanya di pada 17 Ogos.

Dapur Kinrara diwujudkan hujung tahun lalu sebagai dapur berpusat untuk mengagih makanan tengah hari percuma kepada golongan memerlukan. Projek di dua lokasi mendapat sambutan.

# Anjur pertandingan pakaian tradisional

**SHAH ALAM** - Dewan Undangan Negeri Bandar Utama mengadakan pertandingan pakaian tradisional sempena Karnival Rasa Sayang bermula 16 Ogos hingga 10 September.

Wakil rakyatnya Jamaliah Jamaluddin berkata pertandingan itu bertujuan mempromosi dan merai kepelbagaian budaya menerusi pakaian pelbagai latar belakang masyarakat.

Beliau berkata penyertaan terbuka kepada warganegara dan semua peringkat umur dengan menggayakan pakaian mana-mana kaum atau etnik di Malaysia.

"Pakaian mesti dilengkapi aksesori atau kelengkapan peragaan yang biasanya digayakan mengikut festival bagi pakaian tradisional dan dimuat naik dengan keterangan foto yang menarik," katanya.

Pelbagai hadiah disediakan. Pemenang diumumkan pada 16 September menerusi Facebook Jamaliah.

Berikut cara penyertaan:

- Muat naik gambar penuh pengayaan pakaian tradisional bersama keterangan foto. Penyertaan swafoto tidak diterima
- Tanda (tag) Facebook Jamaliah Jamaluddin @ Jamaliah Jamaluddin dan Facebook Quratu-lain Atiqah
- Buat tanda pagar #BudayaKitaBersamaJamaliah dan #RasaSayangBandarUtama
- Pastikan tetapan hantaran (post) umum

**N38**

**AHLI DEWAN NEGERI PAYA JARAS**  
**KHAIRUDDIN OTHMAN**

- **Umur:**  
50 tahun
- **Falsafah hidup**  
Berdikari
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:**  
Peguam

- **Alamat pejabat ADN:**  
Tingkat 1, No 19A  
Jalan Liter D U19/D  
Fasa 3 Bandar Baru  
Sungai Buloh
- **Nombor telefon ADN:**  
03-4260 2205
- **Facebook:**  
Pejabat Wakil Rakyat DUN Paya Jaras
- **E-mel:**  
wakilrakyat.n38@gmail.com

**Air Selangor**  
PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD  
(201401006213)

**KENYATAAN TENDER**

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN000008436	CONSULTANCY SERVICES - APPROACH AND STRATEGY FOR THE IMPLEMENTATION OF WATERSHED MANAGEMENT FOR AIR SELANGOR
2.	PN000008482	DEVELOPMENT AND IMPLEMENTATION OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE FOR WATER SUPPLY AND DEMAND MANAGEMENT

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan Air Selangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.

## Bantu penduduk terjejas pendapatan

**BANTING** - Sebanyak 1,600 bakul makanan diagih kepada penduduk terjejas di Morib sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, kata wakil rakyatnya.

Hasnul Baharuddin berkata rata-rata penduduk terkesan dengan pandemik Covid-19 dan sebahagiannya hilang punca pendapatan kerana tidak dapat keluar bekerja.

"Antara golongan terkesan yang menerima bantuan adalah peniaga, penjaja, pekerja kilang, pemandu lori dan teksi serta pemandu bas dan van sekolah.

"Kita turut membantu individu yang mengalami masalah kesihatan seperti rawatan dialisis dan sumbangan kerusi roda," katanya pada 22 Ogos.

## Belanja RM20,000 untuk rakyat

**SHAH ALAM** - Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Bharu memperuntuk lebih RM20,000 untuk bantuan makanan kepada golongan terjejas antara 1 hingga 15 Ogos.

Ahli Dewan Negerinya Lee Kee Hiong berkata pusat khidmat menyalur sumbangan tersebut setiap hari supaya tiada penduduk terputus bekalan makanan.

"Laporan menunjukkan kami menghantar RM22,974.50 nilai makanan untuk mereka memerlukan antara 1 hingga 15 Ogos," katanya.

Kepada penduduk yang memerlukan bantuan, hubungi talian 0111-550 9837.

## Lebih 3,000 orang dapat manfaat

**SHAH ALAM** - Pejabat Dewan Undangan Negeri Subang Jaya memperuntuk lebih RM300,000 untuk bantuan makanan kepada 3,554 golongan terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun ini.

Ahli Dewan Negeri Michelle Ng Mei Sze berkata setiap penerima mendapat bakul makanan dan baucar RM100 yang boleh ditebus di pasar raya terpilih.

Jelasnya, baucar makanan turut diberi kerana ada penerima memerlukan diet tertentu mengikut tahap kesihatan mereka.





## Negeri-Persekutuan bersama tangani wabak

**SHAH ALAM** - Ketua Pembangkang Selangor berharap kerjasama Kerajaan Negeri dan persekutuan dalam menangani pandemik Covid-19 diteruskan demi keselamatan rakyat.

Datuk Rizam Ismail berkata Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berpengalaman luas berdepan wabak tetapi agensi negeri dan wakil rakyat lebih mahir mengurus kebajikan rakyat.

"Dalam keadaan sekarang kerajaan persekutuan atau Selangor tidak boleh bergerak sendiri menyelesaikan masalah tanpa penglibatan wakil rakyat atau pemimpin setempat.

"Apa yang dapat saya simpulkan kegagalan melawan Covid-19 disebabkan tiada keseragaman gerak kerja atau kebersamaan KKM, negeri dan pemimpin daerah mengurus pandemik," katanya dalam perbahasan sidang Dewan Negeri Selangor pada 24 Ogos.

## Caliph Buskers lepas 'gian' di PPV negeri

**PETALING JAYA** - Inisiatif Kerajaan Negeri menempatkan pemuzik jalanan di pusat pemberian vaksin (PPV) memberi peluang kepada mereka menjana pendapatan ketika pandemik.

Selain menghiburkan orang ramai, penyanyi utama kumpulan Caliph Buskers Azmi Saat berkata mereka juga 'melepaskan gian' setelah sekian lama tidak membuat persembahan.

"Selain meraih pendapatan, kami juga lepaskan gian kerana sudah lama tidak buat persembahan," katanya di PPV Tropicana Gardens Mall di sini pada 21 Ogos.

Azmi berharap projek seumpama itu membantu lebih ramai pemuzik jalanan yang majoritinya bergantung hidup dengan bermain muzik.

Projek Kita Busker Selangor berlangsung sebulan mulai 15 Ogos memberi peluang kepada 720 pemuzik itu menjana pendapat melalui pemberian wang saku hati selain kutipan awam.

## RM220,000 bantu pesakit kronik beli ubat

**SHAH ALAM** - Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) memperuntuk RM220,000 bagi membantu pesakit kronik di 44 Dewan Undangan Negeri (DUN) pada tahun ini.

Yang Dipertuanya Datin Seri Masdiana Muhammad berkata inisiatif bawah program Ziarah Medik Pekawanis bertujuan meringankan beban pesakit untuk membeli ubat-ubatan.

"Setiap daripada pesakit ini diberi RM250 untuk membeli ubat dan barangan keperluan harian. Golongan penerima layak akan ditentukan oleh ahli majlis dan ketua kampung.

"Kita harap bantuan ini sedikit sebanyak membantu meringankan beban mereka terutama ketika pandemik Covid-19," katanya pada 24 Ogos.



**MERDU...** Kumpulan Caliph Buskers membuat persembahan pada program Vaksin Selangor (Selvax) di pusat pemberian vaksin (PPV) Tropicana Gardens Mall, Petaling Jaya pada 21 Ogos. Foto FIKRI YUSOF

## Turut tawar khidmat petugas kesihatan

# Pinjamkan 500,000 dos bantu negeri lain

Oleh **SHEEDA FATHIL**

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri meminjamkan 500,000 dos bekalan vaksin yang dibeli kepada Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata langkah itu bagi membantu beberapa negeri yang memerlukan bekalan tersebut ketika ini.

Beliau menjelaskan Kedah, Pulau Pinang dan Sabah antara penerima selain dijual kepada syarikat swasta di negeri berkenaan.

"Kita setuju untuk menyalurkan vaksin

ini kepada CITF yang akan diberi dalam bentuk pinjaman dan dipulang dalam tempoh sebulan atau dua bulan akan datang.

"Saya sudah berbincang dengan ketua pengarah kesihatan dan beliau minta sokongan gunakan dos Selangor untuk dibawa ke negeri lain," katanya dalam sidang media secara maya pada 19 Ogos.

Selain itu, Amirudin berkata Selangor juga menawarkan khidmat petugas kesihatan untuk membantu proses suntikan vaksin di beberapa negeri.

"Kita bersedia menawarkan petugas kesihatan Selgate dan Selcare untuk membantu proses pemberian vaksin di beberapa negeri lain. Ia melibatkan

sedikit kos, ini tawaran kita," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata vaksin yang dipulangkan akan digunakan untuk suntikan dos ketiga, dijangka awal atau pertengahan tahun depan.

Sebanyak 500,000 dos vaksin percuma dibeli bagi mempercepat pemberian vaksin kepada warga emas, golongan berpendapatan rendah, orang kelainan upaya dan penerima skim Inisiatif Peduli Rakyat.

Sebanyak dua juta dos turut disediakan kepada majikan untuk diagih percuma kepada sejuta pekerja termasuk warga asing.

## Dr Noor Hisham hargai Selangor

**SHAH ALAM** - Ketua pengarah kesihatan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana meminjamkan 500,000 dos bekalan vaksin untuk diedar ke negeri yang kadar suntikannya rendah.

Melalui Twitter pada 20 Ogos, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memuji

usaha Selangor membantu negeri dan kawasan yang memerlukan berikutan bekalan vaksin ditempah lewat tiba.

"Alhamdulillah dan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Selangor. Ambil peduli dan saling bantu membantu negeri-negeri yang memerlukan vaksin adalah amalan

terbaik menjelang Hari Kebangsaan," tulisnya.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari sedia meminjamkan bekalan vaksin untuk program Vaksin Selangor (Selvax) kepada Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 selain menawarkan khidmat petugas kesihatan.